

Jilid IV  
Bil. 44



Hari Isnin  
14hb November, 1994

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN


PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*House of Representatives*

PARLIMEN KELAPAN  
*Eighth Parliament*

PENGGAL KETIGA  
*Third Session*

Jilid IV  
Bil. 44



MALAYSIA

Hari Isnin  
14hb November, 1994

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**  
*Eighth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 7221]**

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN**  
**MESYUARAT 18:**

**Kenyataan Y.B.M. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah dalam program**  
**Perbadanan Penyiaran Australia (ABC)**

**— Y.B. Tuan Shahidan bin Kassim (Arau) [Ruangan 7251]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1995 [Ruangan 7260]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1995 [Ruangan 7260]**



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA TERENGGANU  
1999

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR  
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.  
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, D.G.S.M.,  
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P.,  
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S.  
(Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.G.S.M.,  
D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,  
DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S.,  
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI  
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,  
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN OTHIMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K., J.P. (Penampang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasin Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.S.S.A., D.I.M.P. (Jerantut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N., P.J.K. (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.F.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR T. MARIMUTHU, K.M.N., S.D.K. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N., (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATUK MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, D.S.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

Yang Berhormat TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

- „ DATUK HAJI IBRAHIM BIN ALI, D.M.S.M. (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ DATUK MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N. S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K., K.C.R.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP, D.S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

Yang Berhormat DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ CIK SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,  
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Pemangku Ketua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penolong Penyunting : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.  
Supiah binti Dewak.  
Ismail bin Haji Hassan.  
Hajah Kelsom binti Ghazali.  
Mohamed bin Osman.  
Norishah binti Mohd. Thani.  
Zaharah binti Naim.  
Su Soon Chuan.  
Norwahidah binti Azizi.  
Rozita binti Abd. Samad.  
Jainah binti Sakimin.  
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Isnin, 14hb November, 1994

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis.

*(Soalan No. 1 — Y.B. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

*(Soalan No. 2 — Y.B. Tuan R. Karpal Singh tidak hadir).*

**PEPERIKSAAN UPSR —  
TINDAKAN TERHADAP GURU  
BESAR**

**3. Puan Lim Lay Hoon** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan sekolah yang terlibat dengan tidak membenarkan murid-murid mengambil Peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang melakukan kesalahan itu.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, mengikut laporan yang diterima oleh Kementerian Pendidikan hanya empat buah sekolah yang terlibat dengan kejadian tidak membenarkan murid-murid mengambil peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Tindakan yang sewajarnya telah diambil dan murid-murid yang terlibat diberi peluang untuk menduduki peperiksaan tersebut. Guru Besar sekolah-sekolah berkenaan telah diberi amaran supaya perkara tersebut tidak berlaku lagi kerana ini akan memberi kesan negatif kepada murid-murid tersebut.

**SURUHANJAYA PILIHANRAYA  
MALAYSIA (SPR) —  
PENAMBAHAN KUASA**

**4. Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak** minta Perdana Menteri menyatakan tidakkah setelah 37 tahun merdeka sudah sampai masa Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR) ditokok kuasa bagi:

- (a) tujuan ia dapat memastikan setiap pilihan raya itu benar-benar bebas, bersih dan adil; dan
- (b) khususnya, bagi membolehnya menyekat parti pemerintah dengan sewenang-wenangnya menyalahgunakan kemudahan-kemudahan awam seperti RTM, peralatan pengangkutan dan kakitangan kerajaan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihanraya tidak memerlukan sebarang tambahan kuasa kerana undang-undang dan peraturan yang ada sekarang mencukupi.

- (a) Semenjak merdeka, pilihan raya Malaysia telah berjalan dengan bebas, bersih dan adil.
- (b) Kerajaan tidak pernah menyalahgunakan kemudahan-kemudahan awam di negara ini.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam sistem negara demokrasi, saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bersetuju dengan saya bahawa menjamin satu pilihan raya yang benar-benar bebas dan adil adalah satu perkara yang amat penting. Kita lihat dalam pengalaman pilihan raya negara ini baik pilihan raya besar atau pilihan raya kecil, penyalahgunaan jentera kerajaan ini memang nyata berlaku. Misalannya penggunaan jentera kerajaan, Menteri-menteri Barisan Nasional menggunakan jentera kerajaan dalam pilihan raya, sedangkan dari segi konsep sebenarnya kerajaan pada masa itu ialah caretaker government. Bolehkah dalam pilihan raya yang akan datang ini supaya Kerajaan Barisan Nasional bertindak secara gentleman, biarlah parti melawan parti bukan parti melawan kerajaan, supaya menunjukkan satu sikap yang gentleman kalau Barisan Nasional betul-betul kuat, betul-betul gagah, mendapat sokongan biar parti melawan parti bukan parti melawan kerajaan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, dalam berbelas pilihan raya yang kita jalankan, parti lawan partilah. Saya menyatakan bahawa agensi kerajaan menjalankan tugas untuk menjelaskan kepada masyarakat tentang kegiatan-

kegiatan kerajaan misalnya penerangan untuk menjemput rakyat mengundi. Saya kalau hendak katakan, saya pernah tengok kereta Kerajaan Negeri Kelantan berada di Baling semasa pilihan raya kecil di Baling. Saya pernah tengok kereta kerajaan berada di Jerai semasa pilihan raya kecil di Jerai. Ini kereta Kerajaan Negeri Kelantan. Apa dia buat? Jadi hendak dakwa ini kena tengok biar habislah, Tuan Yang di-Pertua. Saya jelaskan ini bahawa kita menjalankan sekarang tugas kita menjelaskan kepada masyarakat tentang pilihan raya. Itu tugas jentera kerajaan untuk menjelaskan, memaklumkan kepada masyarakat tentang tanggungjawab masyarakat untuk membuang undi pada tarikh yang ditetapkan.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Tidak adakah rancangan Suruhanjaya Pilihanraya ini untuk menggubal satu rang undang-undang supaya Wakil Rakyat yang menderhaka kepada negara tidak dibenarkan bertanding lagi. Itu yang pertama. Contoh macam Gua Musang dan Puchonglah. *(Ketawa)*

Yang kedua, tidak bolehkah syarat untuk menukarkan alamat pengundi kerana sekarang syarat untuk menukar alamat pengundi sekarang ini terlalu lemah sebab banyak digunakan kesempatan ini oleh parti-parti Pembangkang. Sebab dalam kawasan saya misalnya ahli-ahli UMNO ini ditukar habis pergi ke kawasan lain. Inilah yang mereka katakan kita tidak adil atau Suruhanjaya Pilihanraya tidak adil, ini adalah satu fitnah. Sebab dalam kawasan saya ahli-ahli UMNO ditukar pergi ke kawasan lain. Saya minta supaya Suruhanjaya Pilihanraya mengetatkan syarat, bila hendak tukar alamat mesti bawa I.C. atau tuan tubuh itu pergi sendiri.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya saya hendak . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta kebenaran supaya dibenarkan pakai 'cap' ini supaya . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya faham Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sila teruskan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya saya hendak nyatakan bahawa dalam negara demokrasi ini kita tidak dapat menghalang sesiapa sahaja untuk bertanding dalam pilihan raya sama ada dia kita capkan sebagai penderhaka ataupun tidak baik, tetapi sebagai seorang warganegara Malaysia jika dipilih oleh partinya maka seseorang itu berhak untuk bertanding.

Soalan yang kedua mengenai tukar tempat mengundi ini. Memang kita mengakui bahawa Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) telah pun dapat mengesan memang berlaku terlalu banyak pemindahan pengundi yang dijalankan oleh kumpulan tertentu oleh kerana kepentingan politik. Ini kita rasakan satu tindakan yang tidak bertanggungjawab oleh kerana mengikut Perlembagaan seseorang mestilah mendaftar dirinya untuk mengundi di sesuatu kawasan. Tetapi memang berlaku dan di Kelantan paling banyak berlaku pemindahan pengundi ini dalam sesetengah kawasan pilihan raya yang dijalankan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tuan Mohamed Kamal bin Hussain.

(*Soalan No. 5 — Y.B. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain tidak hadir*)

#### LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (KESEDAR)

**6. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bahawa dalam rangka usaha kerajaan untuk mengkaji semula kedudukan Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW). Bagaimana pendirian kerajaan mengenai kedudukan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR). Adakah kerajaan berhasrat untuk mengkajinya. Kalau tidak, kenapa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato Mohamed bin Jamrah):** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula kedudukan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) memandangkan keperluannya masih ada dalam usaha meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk di wilayah tersebut. Untuk itu, prestasi KESEDAR, akan terus lebih dipertingkatkan untuk menjadikannya lebih berkesan dalam membawa manfaat kepada rakyat.

#### PENUKARAN SYLLABUS — KESAN KEPADA KECEKAPAN GURU/MURID DI LUAR BANDAR

**7. Tuan Jawah anak Gerang** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada sistem pendidikan sekarang telah benar-benar memberi didikan kepada murid-murid sekolah dan syllabus yang kerap bertukar telah juga mempengaruhi kecekapan guru-guru untuk mengajar (seperti murid di luar bandar).

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememangnya sistem pendidikan sekarang telah benar-benar memberi didikan kepada murid-murid sekolah kerana kurikulum digubal dengan

rapi dan berorientasikan pelajar. Pada hakikatnya, kurikulum tidak banyak berubah, cuma langkah perkemasan yang sesuai dengan kehendak masyarakat itu sendiri. Walau bagaimanapun, perubahan ini dimaklumkan kepada pihak sekolah dan pendedahan sewajarnya telah diberi kepada guru-guru.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Saya bersetuju bahawa keberkesanan syllabus Kementerian Pendidikan untuk sekolah-sekolah sekarang ini, tetapi saya juga mengesan beberapa kelemahan yang tertentu yang terdapat dalam syllabus tersebut, pertamanya, syllabus-syllabus yang tidak diajar di sekolah-sekolah. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada beliau sedar bahawa ketiadaan suatu mata pelajaran yang dinamakan 'Pendidikan Akhlak', atau ketidaksempurnaan pengajaran mata pelajaran tersebut telah menyebabkan timbul berbagai-bagai gejala yang tidak sihat di kalangan anak-anak muda kita, sebagai contoh, budaya lepak, bohsia dan sekarang ini ada pula panggilan baru 'bohjan' dan sebagainya, dan saya percaya, mungkin timbul daripada ketidakberkesanan sesuatu mata pelajaran yang dinamakan pelajaran akhlak yang saya rasa begitu penting dan perlu diberi tekanan dalam sistem pendidikan kita.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas pandangan Ahli Yang Berhormat dari Hulu Terengganu. Saya ingin menyatakan di sini, Pendidikan Akhlak itu memang ada dalam syllabus kita menerusi Pendidikan Moral untuk pelajar-pelajar yang bukan beragama Islam dan Pendidikan Agama di kalangan pelajar-pelajar Islam dan mata pelajaran ini adalah diwajibkan (compulsory) untuk semua pelajar. Saya

ingin menarik perhatian di sini, dalam syllabus kita, kita telah menyediakan berbagai teras pendidikan untuk membangunkan insan yang kamil dan seimbang dari segi rohani dan jasmani. Perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu, saya boleh katakan di sini, ia bukan sahaja bergantung kepada syllabus pendidikan atau sistem pendidikan kita tetapi yang perlu ialah gabungan tenaga dari semua pihak lapisan masyarakat yang sama-sama mempengaruhi pembentukan peribadi anak itu sejak ia lahir sehingga ia dewasa.

Kalau kita ingin membahaskan lebih lagi faktor-faktor yang mengakibatkannya, mungkin akan mengambil masa yang panjang, tetapi kami sedar bahawa ada juga kelemahan-kelemahan dari segi agama dan moral, tetapi dari segi substansinya, kita boleh katakan adalah memadai dan boleh terus merentasi semua kurikulum atau mata pelajaran di sekolah kita. Sebab itu kita memperkuat lagi usaha itu dalam menjalankan dan membangunkan lagi kegiatan-kegiatan seperti ko-kurikulum yang kita percaya akan memperkuat lagi amalan dari segi pendidikan akhlak ini di kalangan pelajar-pelajar kita, dan kita juga berharap mendapat sokongan dari semua lapisan masyarakat.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah saya, mengikut penyelidikan, bohsia, bohjan, dadah dan jenayah, banyak berlaku di kalangan budak-budak Melayu dan Islam. Semasa di sekolah anak-anak Melayu dan Islam ini diajar fardu kifayah dan fardu ain yang mana tidak menekankan apakah hikmah di belakang pelajaran Islam yang diberikan. Tetapi sebaliknya pula budak-budak yang bukan beragama Islam telah diberi latihan moral, yang mana salah dan yang mana betul — ditetapkan.

Soalan saya, apakah relativity ketiadaan ajaran moral kepada anak-anak Melayu dengan persoalan bohsia, bohjan, dadah dan jenayah kepada anak-anak Melayu?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang menerima apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar tadi bahawa mungkin ada kelemahan-kelemahan. Tetapi sebenarnya, seperti yang telah saya nyatakan awal tadi, dalam pendidikan agama di sekolah, dalam syllabus dari peringkat darjah satu hingga ke sekolah menengah adalah memadai, begitu juga dengan program-program amalan. Tetapi mungkin saya boleh katakan bahawa anggapan Ahli Yang Berhormat tadi adalah berdasarkan pandangan dari segi pendidikan sahaja, tetapi yang pentingnya, mungkin saya boleh menyoalkan kelemahan-kelemahan yang ada juga dalam masyarakat kita, yang mungkin boleh dipertimbangkan untuk kita mengisi kekosongan dalam kita mendidik anak-anak generasi muda kita secara menyeluruh, selain dari syllabus-syllabus di sekolah kita.

Begitu juga boleh saya nyatakan di sini, bahawa selain dari pendidikan, dari segi teorinya, kita juga harus memperkuat lagi amalan-amalan di dalam sekolah dan juga di luar sekolah. Seperti saya nyatakan awal tadi, ini memerlukan usaha-usaha bersama dari pihak sekolah dan juga sokongan dari pihak ibu bapa dan masyarakat keseluruhannya, dan berbagai-bagai fakta yang lain.

Selain dari itu saya telah pernah juga menyatakan bahawa kita telah mewajibkan dan meningkatkan lagi supaya mata pelajaran Pendidikan Agama ini mesti diambil oleh semua pelajar — di mana ia terus diberi keutamaan dari segi persijilan dan lain-lainnya di dalam sistem peperiksaan kita ini.

#### LEBUHRAYA UTARA-SELATAN — JUMLAH KEMALANGAN

**8. Tuan Haji Ishak bin Arshad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan dari segi jumlah kemalangan jalan raya yang berlaku di Lebuhraya Utara-Selatan sejak ia dibuka sehingga sekarang:

- (a) dari jumlah tersebut berapakah yang membawa kepada kematian dan kecederaan serius; dan
- (b) apakah punca-punca terjadinya kemalangan di Lebuhraya tersebut serta usaha-usaha yang dibuat untuk mengurangkannya.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah kemalangan yang berlaku di Lebuhraya Utara-Selatan sejak ianya dibuka dalam tahun 1989 sehingga bulan Ogos 1994 adalah sebanyak 14,376 kemalangan. Jawapan kepada:

- (a) Dari jumlah tersebut sebanyak 364 kemalangan telah membawa kepada 561 kematian dan melibatkan 2,666 mangsa kecederaan serius.
- (b) Sebahagian besar dari kemalangan-kemalangan yang terjadi adalah disebabkan oleh memandu laju, keadaan cuaca dan memandu dalam keadaan mengantuk serta keletihan. Bagi mengurangkan jumlah kemalangan yang berlaku di Lebuhraya Utara-Selatan beberapa usaha telah dan sedang diambil seperti mendirikan lebih banyak papan-papan tanda amaran, ingatan di sepanjang lebuhraya berkenaan, mengawasi serta memperbaiki keadaan jalan, mengadakan kawasan rehat dan rawat serta hentian sebelah dan menguatkuasakan had laju 90 km sejam di beberapa bahagian lebuhraya tersebut.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya mahu mengucapkan terima kasih kepada semua pihak termasuk BBC, Yang Berhormat dari Arau menghantar bunga dan best wishes supaya saya lekas sembuh.

Soalan saya ialah mengenai satu bahagian Lebuhraya Utara-Selatan antara Sungai Besi dan Seremban, bahagian yang dilebarkan baru-baru ini daripada dua lorong ke dua lorong setengah dan bukan tiga lorong di mana bahagian yang dilebarkan itu tidak sama rata dengan bahagian-bahagian yang lain yang mengakibatkan kedudukan yang sangat membahayakan. Bolehkah kementerian yang berkenaan mengarahkan PLUS supaya tempat-tempat bahagian antara Sungai Besi dan Seremban, bahagian tersebut diratakan supaya ia tidak akan menjadi punca kemalangan?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, pembinaan lebuhraya di luar bidang kuasa Kementerian Pengangkutan tetapi saya boleh menyampaikan maklumat itu kepada pihak yang berkenaan.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya salah satu sebab yang mengakibatkan kemalangan berlaku di jalan raya adalah berpunca dari membawa kereta dalam keadaan mabuk. Maka, oleh yang demikian, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah terjadi kepada satu jenis alat yang dikenali sebagai breath analyser yang mana pihak penguatkuasa sentiasa mengadakan spotcheck untuk memastikan kadar arak dalam tubuh kita?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita dapat melihat melalui televisyen iaitu iklan peringatan atau amaran (warning) yang begitu menakutkan. Saya ingin bertanya sama ada iklan ini adalah dari kisah yang betul-betul benar ataupun apakah kesan buruk yang akan dialami oleh penonton televisyen?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, menggunakan breath analyser ini dilaksanakan oleh pihak polis dan mengenai iklan, memang kita hendak supaya kesannya itu mendalam dan lama supaya setiap pemandu ingat kepada gambaran yang ternampak dalam iklan tersebut, iaitu sistem kempen kita supaya mereka beringat-ingat dan berhati-hati semasa berada di jalan raya.

**Tuan Wong Wing On:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai iklan televisyen. Saya bersetuju dengan kawan saya dari Alor Setar. Itu saya ingat terlampau iaitu bahagian yang ketara itu terlampau. Yang menakutkan kanak-kanak dan perempuan yang menonton televisyen-televisyen di rumah sendiri atau itu sangat menakutkan. Adakah kerajaan sedia potongkan sebahagian kecil dari iklan itu yang terlampau ketara itu?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, yang ketara itu ialah kenyataan yang benar.

#### KEDAI HARGA PATUT — KEDUDUKAN

9. **Tuan Fong Kui Lun** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan kedudukan kedai harga patut seluruh negara, siapakah pemiliknya, dan mengapakah harga barang yang dijual sama atau tidak jauh berbeza dengan harga di kedai-kedai lain.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr. Sak Cheng Lum):** Tuan Yang di-Pertua, Projek Kedai Harga Patut telah dilancarkan pada 5hb. Disember 1993 di Langkawi sebagai satu usaha untuk membanteras inflasi. Sehingga kini terdapat sebanyak 236 premis perniagaan yang telah menerima Anugerah Kedai Harga Patut di seluruh negara iaitu terdiri daripada 42 pasaraya, 62 pasar mini dan 132 kedai runcit.

Pemilik-pemiliknya adalah terdiri dari orang-orang perseorangan dan syarikat-syarikat.

Penganugerahan Kedai Harga Patut ini adalah berasaskan kepada kriteria-kriteria berikut:

- (1) harga bagi 150 jenis barangan keperluan harian yang terpilih;
- (2) kemudahan yang diberi kepada pengguna seperti tempat letak kereta dan tempat simpan barang;
- (3) kebersihan, layanan, keselamatan dan susun atur barangan.

Ianya bertujuan mewujudkan persaingan harga di sesuatu kawasan bagi barang-barang keperluan yang terpilih. Oleh hal yang demikian, maka tidaklah mustahil jika terdapat kedai-kedai lain yang menjual barang-barang yang sama dengan harga yang tidak jauh perbezaannya.

**Tuan Fong Kui Lun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha kerajaan membantu meringankan kesan inflasi ke atas pengguna, Kedai Harga Patut telah diperkenalkan. Saya ingin bertanya adakah kerajaan sedar bahawa terdapat banyak kedai runcit, mini market atau supermarket terjejas kerana tidak mampu bersaing dengan Kedai Harga Patut ini? Jika sedar, apakah adjustment yang kerajaan hendak buat supaya peniaga-peniaga lain boleh beroperasi?

Soalan yang kedua, adakah pasaraya besar di Lembah Kelang seperti MAKRO, Carrefour, disenaraikan sebagai Kedai Harga Patut kerana mereka menawarkan harga borong kepada para pembeli. Jika tidak, adakah kerajaan sedar ia sudah menimbulkan persaingan yang baru dengan lain-lain pasaraya di Lembah Kelang?

**Dr. Sak Cheng Lum:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini bahawa Projek Kedai Harga Patut ini diwujudkan bukan dengan matlamat untuk menjejaskan para pekedai. Seperti yang saya telah nyatakan, projek atau usaha Kedai Harga Patut ini sebenarnya selain dari untuk menggalakkan persaingan yang sihat antara pekedai-pekedai, projek ini telah pun dipastikan untuk mewujudkan satu keadaan pasaran di mana para pengguna dapat membeli barangan keperluan dengan harga yang berpatutan dan harga yang stabil. Jadi, saya tidak bersetuju bahawa projek ini telah menjejaskan pekedai-pekedai yang tidak berjaya dalam mendapatkan pengiktirafan dalam projek ini dan kementerian berpendapat juga bahawa jikalau kedai-kedai yang telah diberi pengiktirafan atau telah menerima Anugerah Kedai Harga Patut ini boleh menawarkan harga yang lebih kompetitif dan berpatutan tidak ada sebab-sebab mengapa kedai-kedai lain tidak boleh mencontohi mereka ini yang telah tampil ke hadapan untuk sama-sama dengan pihak kerajaan dalam usaha membanteras inflasi.

Yang kedua, Kedai Harga Patut ini pada masa sekarang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu pasaraya, pasar mini dan kedai runcit dan tidak merangkumi mereka yang menjalankan perniagaan secara memborong atau pemborong.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam Persidangan Dewan yang lepas, kalau tak silap saya, saya telah bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh kerana idea mengadakan kedai harga patut ini adalah bagus, tetapi malangnya, beberapa kedai sahaja hanya dipilih dalam satu bandar. Adakah pihak kementerian di masa-masa yang akan datang mempunyai rancangan untuk mengadakan konsep ini di seluruh negara di tiap-tiap jajahan, di pekan-pekan kecil supaya dapat memberikan suatu peluang yang lebih adil kepada pembeli-pembeli?

Soalan saya yang kedua agak keluar sedikit daripada soalan ini, tetapi atas kepentingan orang ramai, saya berharap Setiausaha Parlimen menjawab soalan ini. Selepas daripada Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan seminggu dua lepas, kita dapati bahawa harga barang-barang keperluan harian — kelmarin dahulu, dua tiga hari ini, susu, biskut — semua ini naik mendadak. Sama ada pihak kementerian sedar atas perkara ini sebab jauh — dalam pengetahuan saya, tidak ada kaitan langsung di antara pembentangan Belanjawan baru ini dengan kenaikan harga barang-barang keperluan harian yang sedang melanda masyarakat sekarang.

Sebagai contohnya, susu, satu tin naik sampai 20 sen atau 10 sen. Satu tin sampai RM6.00. Kemudian minyak masak, sampai 50 sen naik. Jadi, ada berlaku perkara ini. Yang jadi anehnya, setiap kali Belanjawan dibentangkan, kalau menguntungkan penjual, harga terus dinaikkan, tetapi kalau ada penurunan cukai, penjual masih lagi enggan menurunkan harga barang-barang tertentu yang menerima kesan secara langsung daripada pembentangan Belanjawan baru-baru ini.

**Dr. Sak Cheng Lum:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Kok Lanas. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, adalah menjadi hasrat pihak kementerian supaya projek Kedai Harga Patut ini diadakan di seluruh negara. Memang itu adalah matlamat dalam projek ini dan memang pihak Kerajaan dan pihak kementerian tentulah dalam usaha untuk menggalakkan dan meminta semua Majlis-majlis Hal Ehwal Pengguna di peringkat negeri untuk menjalankan usaha sedemikian. Walau bagaimanapun, seperti kita maklum, projek ini telah dijalankan tidak sampai satu tahun dan

pada masa sekarang, selain dari projek ini ditumpukan kepada bandar-bandar besar atau bandar-bandar utama, kementerian juga melalui usaha Majlis-majlis Hal Ehwal Pengguna di peringkat negeri dan di peringkat daerah pun telah berjaya untuk melancarkan projek ini di beberapa daerah. Misalnya di Johor, kami telah pun pergi ke kawasan Muar, Kluang, Segamat dan Batu Pahat. Di Kelantan, kedai-kedai pun telah diperkenalkan di kawasan Tumpat, Pasir Puteh, Gua Musang, selain dari di Kota Bharu.

Yang kedua, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memang sentiasa peka akan kepentingan untuk memonitorkan, dengan izin, harga-harga barangan keperluan seperti susu, minyak masak, barang-barang keperluan harian dan lain-lain. Jadi, dalam usaha ini, khususnya selepas tiap-tiap kali Belanjawan dibentangkan, seperti usaha yang telah dijalankan oleh kementerian dalam tahun yang lalu, apabila pengumuman penurunan atau penghapusan cukai import ke atas beberapa barangan, pihak kementerian terus menjalankan usaha iaitu untuk memastikan bahawa penurunan melalui Budget harus diturunkan untuk membawa faedah kepada para pengguna. Pada masa sekarang selepas 2,600 jenis barangan diturunkan harga importnya, kementerian telah dan akan terus menjalankan usaha untuk memastikan bahawa penurunan cukai import atau penghapusan cukai import ini sebenarnya akan membawa faedah kepada para pengguna.

Kementerian dengan kerjasama Kementerian Kewangan pun telah menyiapkan senarai yang mana penurunan cukai import ini — apa kesannya ke atas the final price of the goods, dengan izin, dan kementerian telah pun memberi tempoh masa sebanyak satu bulan kepada para pekedai untuk menurunkan harga

barang-barangan yang terlibat dalam senarai 2,600 jenis barang-barangan ini dan selepas 1hb Disember kemudian, kementerian akan menjalankan pemeriksaan dan tugas untuk memastikan bahawa penghapusan cukai import atau penurunan cukai import boleh membawa faedah kepada para pengguna.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap.

*(Soalan No. 10 — Y.B. Datin Paduka Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap tidak hadir).*

**PETRONAS — PROGRAM  
KE ARAH PEMBENTUKAN  
MASYARAKAT PERDAGANGAN  
DAN PERINDUSTRIAN**

**11. Tuan Michael Lisa Kaya @ Gor Kaya** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah rancangan ataupun program-program yang dikedalikan oleh PETRONAS untuk membantu kerajaan mencapai matlamat untuk membentuk suatu masyarakat iaitu "Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera" menjelang tahun 2020;
- (b) berapakah jumlah syarikat bumiputera yang sedang menceburi diri di bidang perdagangan dalam industri minyak dan gas di Malaysia dan pencapaian ataupun prestasi mereka; dan
- (c) adakah PETRONAS salah satu daripada sebuah syarikat gergasi yang terlibat di dalam pelaksanaan skim vendor dan jika ia, kedudukan ataupun prestasi pelaksanaan skim ini di seluruh Malaysia.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB), PETRONAS telah mengadakan berbagai bentuk kemudahan bagi meningkatkan penyertaan bumiputera dalam tender-tender yang dikeluarkan. Antaranya, menghadkan sesuatu tender itu kepada kontraktor bumiputera sahaja. Mewajibkan kontraktor atau konsortium asing memaksimumkan penyertaan kontraktor tempatan bumiputera dalam tender antarabangsa yang dipanggil. Pihak PETRONAS juga telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman dengan Kementerian Kewangan, bersama dengan Syarikat Telekom Malaysia Berhad, TNB serta PUNB pada 24 Jun 1993 untuk melaksanakan satu program pembangunan usahawan. Matlamat utama dalam program ini adalah untuk mewujudkan seramai mungkin tekno usahawan bumiputera dalam bidang pembuatan dan perkhidmatan teknikal berteknologi sederhana dan tinggi, selaras dengan hasrat pembentukan MPPB.
- (b) Jumlah keseluruhan syarikat bumiputera yang berlesen dan berdaftar dengan PETRONAS di bidang perdagangan dan industri minyak dan gas di Malaysia adalah sebanyak 2,251 di mana 497 merupakan syarikat yang berlesen dan 1,724 adalah syarikat yang berdaftar. Prestasi syarikat yang berlesen dan berdaftar pada keseluruhannya adalah memuaskan dan terdapat beberapa syarikat yang telah mencapai tahap kema-hiran yang baik.

- (c) PETRONAS, selain daripada Syarikat Telekom Malaysia Berhad dan TNB turut terlibat di dalam skim vendor di bawah naungan Kementerian Kewangan. Pelaksanaan skim ini bagi seluruh Malaysia telah dilancarkan pada awal tahun 1994. Setakat ini, PETRONAS telah pun melantik 4 vendor dan di dalam proses meneliti 22 cadangan untuk dipertimbangkan sebagai vendor. PETRONAS turut dijemput untuk menerangkan skim vendornya dalam bengkel-bengkel yang dianjurkan oleh pihak kerajaan dan Dewan Perniagaan Melayu bagi menghebahkan perihal program ini kepada para usahawan dan bakal usahawan yang layak dan berminat untuk menyertai program ini.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kali ada Konvensyen PBB di Sarawak — bukan Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu ini, tetapi Parti Pesaka Bumiputera Sarawak, ada sahaja ahli yang mengesyorkan mengatakan PETRONAS ini kurang peka dengan masyarakat usahawan bumiputera di Sarawak. Jadi soalan saya, bagaimanakah penglibatan usahawan-usahawan bumiputera di Sarawak dalam perancangan-perancangan PETRONAS untuk membangunkan perindustrian bumiputera di Sarawak. Itu yang pertama.

Yang kedua, adakah skim vendor yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat tadi juga diextend ataupun dipanjangkan ke Sarawak? Jikalau tidak, kenapa dan kalau belum, bilakah perkara ini akan dibuat di Sarawak?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, dalam menjalankan program-program pembangunan MPPB ini, kita tidak ada batas kategori. Sesiapa sahaja

yang mempunyai minat, mempunyai kebolehan dan kemampuan, maka mereka boleh terus berhubung dengan agensi-agensi yang dipilih oleh kerajaan untuk membentuk masyarakat MPPB ini termasuklah PETRONAS.

Saya tidak ada angka yang saya pegang bagi rakan-rakan kita di negeri Sarawak tetapi saya hendak nyatakan bahawa keseluruhan program yang dijalankan ini adalah untuk masyarakat Malaysia termasuklah seperti mana soalan yang kedua Yang Berhormat yang mengatakan perlantikan vendor yang dibuat oleh PETRONAS adalah meliputi rakyat Malaysia keseluruhannya. Kalau ada rakyat Sarawak yang berminat, maka mereka boleh mengemukakan permohonan kepada agensi-agensi kerajaan yang melibatkan diri atau dilantik oleh kerajaan untuk menjalankan program vendor ini.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung kait dengan PETRONAS untuk membantu bumiputera, apakah benar PETRONAS ini kaya, memang sesuai untuk membantu bumiputera tetapi life style Presidennya itu sampai ke tahap yang melebihi daripada Perdana Menteri? Gajinya lebih daripada gaji Perdana Menteri dan biliknya terlampau besar — dua kali bilik Perdana Menteri. Apakah kerajaan bercadang untuk memastikan supaya PETRONAS yang betul-betul hendak bantu bumiputera tidak membantu bumiputera dalam bentuk yang dibuat oleh Presiden PETRONAS?

Soalan yang kedua, apakah benar kontrak-kontrak besar PETRONAS hanya diberi kepada orang-orang tertentu sahaja sebagaimana yang ditohmah oleh pihak Pembangkang?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya memang benar bahawa PETRONAS ini sebuah syarikat

yang digolongkan sebagai yang terkaya, yang mempunyai wang yang banyak dan disebabkan mereka mempunyai keuntungan yang banyak, maka sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah korporat yang bertaraf antarabangsa sewajarnya bagi mencerminkan bahawa syarikat Malaysia boleh berdaya maju dan maju pada pandangan umum, maka sememangnya ada kelebihan-kelebihan tertentu yang harus diberikan kepada Presiden dan ahli-ahli Lembaga Pengarah PETRONAS untuk menjalankan tugas mereka.

Walau bagaimanapun, saya rasakan tidaklah kita perlu khuatir kerana memang kerajaan meneliti perbelanjaan akaun yang dibuat oleh PETRONAS ini untuk tatapan umum yang akan dibentangkan termasuklah ke dalam Dewan Rakyat ini.

Yang keduanya, adalah tidak benar yang mengatakan bahawa PETRONAS seperti dakwaan parti Pembangkang yang mengatakan PETRONAS hanya memberi tender-tender besar kepada orang-orang tertentu. Bahkan dalam jawapan asal saya tadi saya nyatakan bahawa pihak PETRONAS mengenakan syarat kalau pun tender adalah bertaraf antarabangsa, penglibatan tempatan dan bumiputera adalah harus ditingkatkan.

#### **DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR — PENYELEWENGAN DAN IRREGULARITI**

**12. Tuan Tan Kok Wai** minta Perdana Menteri menyatakan hasil siasatan Badan Pencegah Rasuah berhubung satu laporan oleh DAP Wilayah Persekutuan pada 15.4.94 mengenai penyelewengan dan irregulariti akaun kewangan DBKL serta perbelanjaan yang membazir dan mewah sebagaimana yang diulas oleh Ketua Audit Negara dalam Laporan Tahunan DBKL 1991.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, pada 15.4.94 pihak DAP tidak membuat sebarang laporan rasmi tetapi hanya memberi beberapa maklumat kepada BPR yang berhubung kait dengan ulasan Ketua Audit Negara dalam Laporan Tahunan DBKL 1991. Sebenarnya sejak Ogos 1992 lagi pihak BPR menerima maklumat-maklumat ini yang pada butir matanya adalah sama dan beberapa maklumat lain dan telah pun menjalankan penyiasatan terhadap maklumat tersebut.

Penyiasatan BPR menunjukkan tiada terbukti sebarang kes rasuah atau perbuatan rasuah tetapi hanya isu-isu penyelewengan dan irregulariti yang dari aspek pentadbiran dan kewangan. Yang paling disensasikan oleh pihak-pihak pembangkang dan media massa ialah terhadap pembelian 23 buah kereta Volvo yang dibuat dengan tidak mengikut peraturan dan yang diperuntukkan kepada pegawai-pegawai yang tidak berhak memilikinya.

Walau apa pun, dipercayai kesan daripada penyiasatan BPR telah mendorong Datuk Bandar ketika itu meletakkan jawatannya pada 17.9.1992 dengan cara terhormat yang jarang-jarang berlaku tetapi wajar dicontohi.

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya terkejut walaupun anticipate jawapan itu. Sudah jadi satu kebiasaan. Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam ulasan Laporan Tahunan DBKL 1991, Ketua Audit Negara ada mengesahkan sendiri bahawa ada benar berlakunya banyak penyelewengan dan pembaziran dalam DBKL, misalnya . . . (*Diganggu*) Adakah sedar? Diam di sana! Adakah Yang Berhormat sedar misalnya 288 kontrak yang bernilai RM33.5 juta dibuat tanpa tawaran terbuka dan Datuk Bandar membelanjakan hampir RM1 juta

untuk maksud peribadi. Bukan sahaja isu Volvo, banyak lagi penyelewengan. Ini yang disahkan oleh Ketua Audit Negara. Mengapakah penyelewengan-penyelewengan ini tidak dianggap sebagai berbentuk rasuah? Apakah pendirian Jawatankuasa Kabinet Khas yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri?

Soalan kedua, saya ingin menanya sama ada satu penyiasatan yang menyeluruh, terperinci, mendalam dijalankan oleh BPR? Sebab saya telah pun difahamkan selepas laporan dan aduan oleh DAP Wilayah Persekutuan, DBKL hanya diminta untuk memberi satu penjelasan bertulis kepada Ketua Pengarah BPR. Bukankah ini satu cara untuk memudahkan dan memihak kepada DBKL? Bukankah ini bukan cara siasatan yang patut dijalankan? Sila jawab.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat ini telinganya pekak. (*Ketawa*) Saya sudah sebut tadi, penyelewengan dan irregulariti ada. Saya sebut "penyelewengan dan irregulariti". Ada saya sebut. Pekak dan tuli Yang Berhormat DAP ini. Saya sebutkan "ada" dan BPR menyiasat. Siasatan itu dibuat semenjak tahun 1992. Jauh lebih lama daripada laporan DAP. Sejak Ogos 1992, BPR telah pun mula menyiasat penyelewengan yang didakwa berlaku di dalam DBKL. DAP hanya buat laporan pada 15.4.94. Dua tahun lebih dulu daripada tindakan DAP. Ini makna kata kerajaan memang mempunyai hasrat untuk mengurangkan dan menghapuskan kegiatan rasuah dalam mana-mana badan kerajaan.

Cuma beri maklumat yang tepat, berani untuk mengaku dan menjadi saksi. Insya-Allah kerajaan akan mengambil tindakan kepada sesiapa sahaja.

### STRATA TITLE — KELEWATAN PENGELUARAN

**13. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan semenjak Akta Surat Hakmilik Berasingan 1985 (Strata Titles) dikuatkuasakan, berapakah jumlah pemaju-pemaju perumahan yang telah melanggar akta ini mengikut pecahan negeri-negeri. Sila nyatakan juga pemaju-pemaju yang telah diambil tindakan atas kesalahan melanggar akta tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Mohd. Noh bin Rajab):** Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak mempunyai maklumat mengenai jumlah pemaju-pemaju perumahan yang telah melanggar Akta Hakmilik Strata 1985 mengikut pecahan negeri-negeri.

Ini adalah disebabkan bahawa penadbiran tanah negeri tidak mempunyai maklumat mengenai bangunan-bangunan berbilang tingkat yang telah didirikan dan dikeluarkan Sijil Layak Menduduki atau dengan izin, Certificate of Fitness for Occupation, di mana pemilik tanah belum lagi membuat permohonan untuk Hakmilik Strata seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 8 Akta Hakmilik Strata. Seperti yang Yang Berhormat sedia maklum, pengeluaran Sijil Layak Menduduki adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan. Dalam hubungan ini tindakan telah pun diambil oleh pihak kementerian untuk mendapat bantuan daripada semua pihak berkuasa tempatan untuk membekalkan maklumat mengenai bangunan-bangunan berbilang tingkat yang telah dikeluarkan Sijil Layak Menduduki. Dengan maklumat tersebut akan dikenal pasti kes-kes di mana pemaju gagal membuat permohonan untuk hakmilik strata.

Setakat 31hb Oktober tahun ini, hanya terdapat satu kes di mana tindakan pendakwaan diambil terhadap pemaju yang gagal membuat permohonan untuk hakmilik strata.

**Tuan Liew Ah Kim:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya senang sahaja jawapan dari Yang Berhormat. (*Disampuk*) Ini suatu perkara yang paling serius dalam bandar khususnya. Saya ingin tahu Yang Berhormat sedarkah atau tidak bahawa pemerosan permohonan untuk mendapatkan surat hakmilik berasingan kepada bangunan-bangunan, mahupun rumah pangsa ataupun apartment ataupun kompleks paling lambatlah dan tidak cekap langsung.

Ada pihak pemaju menyampaikan permohonan mereka selama 5 tahun, ataupun lebih 5 tahun sehingga hari ini tidak ada sebarang tindakan yang sewajarnya untuk terhadap 'issurance' ataupun pengeluaran surat hakmilik berasingan. Apakah cadangan ataupun langkah-langkah yang positif ataupun sewajarnya untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang berkenaan?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Sasterawan negara!

**Tuan Liew Ah Kim:** Bukan sasterawan negara. (*Ketawa*) Ini hal pembangunan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Jangan layan suara yang entah dari mana. (*Ketawa*)

**Tuan Liew Ah Kim:** Pengerusi BBClah. (*Ketawa*) Itu sahaja, Tuan Speaker, saya ingin jawapan.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat dari Seputeh kadang-kadang tidak mempunyai maklumat yang penuh apabila mengemukakan pertanyaan. Untuk makluman, bahawa memang diakui terdapat

kerumitan kadang-kadang timbul apabila pihak kerajaan ingin memproses pengeluaran hakmilik strata dengan cepat kerana dalam proses mengeluarkan hakmilik strata ini, pihak kerajaan mesti memastikan kepentingan pembeli dan pemaju adalah terjamin. Untuk menjaga kepentingan kedua belah pihak, maka syarat-syarat tertentu haruslah diikuti dan dipenuhi. Kadang-kadang pihak pemaju berjumpa dengan Ahli-ahli Pembangkang dan menceritakan hal-hal daripada kacamata mereka sahaja dan banyak perkara atau fakta-fakta yang penting disembunyikan.

Selalunya hakmilik strata tidak dapat diproses kerana tidak memenuhi kehendak akta itu sendiri. Umpamanya, tanah yang mana bangunan itu didirikan mestilah di bawah satu hakmilik. Keduanya, bebas daripada segala incumbrances, dengan izin. Dan ketiganya, bangunan yang telah siap dibina yang mana CFnya telah dikeluarkan mengikut pelan. Di mana terdapat kehendak-kehendak ini tidak dapat dipenuhi, maka terpaksa dibawa ke pengetahuan pemohon itu sendiri untuk dibuat pembedulan. Sekiranya pihak pemaju yang memohon hakmilik strata itu mematuhi permohonan dengan semua syarat-syarat, saya rasa bahawa surat hakmilik strata ini dapat diproses dengan cepat dan dikeluarkan dengan cepat.

Ada satu kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Seputeh mengatakan sudah 5 tahun belum lagi dapat hakmilik strata. Saya berminat untuk mengetahui kes ini. Kalau boleh, tolong beri saya supaya dapat kita selesaikan masalah. Bukan pihak Pembangkang ataupun DAP sahaja mengambil berat tentang pembeli-pembeli rumah-rumah berbilang tingkat tidak dapat hakmilik strata, malah kerajaan yang bertanggungjawab hari ini lebih memandang berat tentang perkara

ini dan kami cuba memudahkannya agar segala kehendak-kehendak untuk menjaga kepentingan kedua-dua belah pihak dapat terjamin dan hakmilik strata dapat dikeluarkan dengan segera. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat kecewa dengan jawapan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi yang memperkecil-kecilkan satu isu menjadi satu masalah yang amat besar yang membawa kesan ke atas semua pembeli-pembeli rumah pangsa. Di sini, saya ingin bertanya mengapakah strata ini, sejak tahun 1985 apabila Akta ini digubalkan dan dikuatkuasakan, tidak ada data atau statistik yang menunjukkan jumlah permohonan yang masih belum diluluskan oleh pihak berkuasa dan apakah sebabnya ia tidak diluluskan?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah sebut tentang sijil kelayakan. Bolehkah pemberian sijil kelayakan dan strata title diselaraskan supaya apabila sijil kelayakan diberi, ini bermakna bahawa semua syarat yang diperlukan untuk memberi strata juga dipenuhi selain daripada incumbrances seperti yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memastikan bahawa tidak ada sebarang gadaian ke atas institusi-institusi kewangan. Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bolehlah memberi angka-angka dari segi negeri. Contohnya di Melaka, saya boleh membeli banyak rumah pangsa — Taman Malinja. Kalau hendak sebut di sini, saya boleh sebut. Tetapi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah sedar dan pergi melawat negeri-negeri yang terlibat? Tidak ambil berat langsung. Inilah sikap yang kita muak kerana isu ini masih belum diselesai, dengan ini manakah sikap "Bersih, Cekap dan Amanah" Barisan Nasional? Semua bohong!!  
(Tepuk)

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kurang hati-hati mendengar bagaimana DAP ini mengemukakan hujah-hujahnya, kita senang terpengaruh. Pihak Yang Berhormat menganggap satu-satu perkara yang berkaitan sahaja tetapi bukan terhadap perkara itu sendiri. Soalannya ialah berapakah jumlah hakmilik strata yang belum dikeluarkan. Jawapan yang saya beri ialah kerana maklumat ini tidak ada, maka pihak kementerian tidak dapat memberinya.

Kita terangkan bahawa CF dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Tempatan. Jika sekiranya pemaju tidak memohon hakmilik strata ini, maka memang tidak ada upaya lagi pihak kita untuk hendak mengetahui berapakah yang belum dikeluarkan. Kalau Yang Berhormat bertanya berapa banyakkah permohonan hakmilik strata yang telah memohon tetapi belum dikeluarkan — itu boleh kita beri. Tetapi perkara yang tidak masuk dalam pemikiran kita, yang kita tidak tahu, memang kita tidak boleh jawab.

**Tuan Othman bin Abdul:** Belum dipohon.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Belum dipohon. Memang betul, Yang Berhormat. Belum dipohon, mana kita tahu. (Ketawa)

**Seorang Ahli:** Bodoh!

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Sama-lah seperti kalau ada orang bertanya pada saya, Yang Berhormat dari Kota Melaka sudah kahwin. Agak-agak berapa ramai-kah anaknya nanti? Saya susah hendak beri jawab. Mungkin 10 atau 15 orang anak. (Ketawa) Tetapi kalau sudah diberi sijil surat beranak kepada saya, saya beri jawab. Yang Berhormat dari Kota Melaka ada 15 orang anak.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini bukan ceramah kampung tahu?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Kota Melaka, jangan mencelah macam itu.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Saya beri contoh dan saya menganggap bahawa Yang Berhormat adalah orang yang terpelajar dan mempunyai keperibadian tinggi. Apabila Yang Berhormat berhujah, saya tidak sampuk. Sekarang adalah untuk saya pula menjawab, Yang Berhormat jangan sampuk. *(Ketawa)*

Peribahasa Melayu mengatakan *(Ketawa)*, kalau Yang Berhormat tidak tahu, saya beritahu, "Bahasa itu menunjukkan bangsa". Kalau Yang Berhormat tidak tahu apa maknanya, tabiat Yang Berhormat dalam Dewan ini menunjukkan latar belakang dan 'what type of person you are', dengan izin *(Ketawa)*. Jadi, kalau Yang Berhormat membawa diri Yang Berhormat sebagai seorang yang dihormati, kita hormat; tetapi kalau Yang Berhormat bercakap di dalam Dewan ini sebagai seorang yang tidak tahu dengan Standing Order susah kita nak beri hormat.

**Beberapa Ahli DAP:** *(Menyampuk)*

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Ini lagi satu, macam 'monyet! *(Ketawa)*

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini tidak ada standardlah.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Saya rasa, saya telah menerangkan . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak ada standardlah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kota Melaka diingatkan jangan cuba mencelah dengan sesuka hati. Saya sudah berkali-kali memperingatkan Yang Berhormat membawa diri dengan secara elok.

**Seorang Ahli DAP:** Yang Berhormat dari Arau pun sama.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tuan Richard Riot anak Jaem.

*(Soalan No. 14 — Y.B. Tuan Richard Riot anak Jaem tidak hadir).*

#### PUSAT KEWANGAN LUAR PANTAI LABUAN — KEMAJUAN

**15. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sejauh manakah kemajuan Pusat Kewangan Luar Pantai Labuan sehingga ini;
- (b) apakah faktor utama yang telah dikenal pasti menjadi penggalak kepada pertumbuhan pusat ini; dan
- (c) bagaimanakah potensi dan perkembangan di Labuan di dalam konteks kerjasama pertumbuhan di antara kawasan iaitu dengan Indonesia dan Filipina.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, kemajuan Labuan semenjak diisytiharkan sebagai sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa pada 1.10.1990 adalah sangat membanggakan. Sebanyak 336 syarikat luar pesisir telah didaftarkan sehingga 30hb September, 1994.

Faktor utama yang telah dikenal pasti menjadi penggalak kepada pertumbuhan pusat ini ialah kestabilan politik Malaysia dengan pentadbiran dan dasar kerajaan yang pragmatik serta insentif cukai yang menarik iaitu 3% ataupun RM20,000 mengikut pilihan syarikat berkenaan.

Dalam konteks kerjasama pertumbuhan kawasan iaitu dengan Indonesia dan Filipina, Labuan mempunyai potensi yang besar. Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa boleh membantu di dalam perkembangan perdagangan antara kawasan-kawasan

yang menganggotai East Asia Growth Area (EAGA), khususnya di dalam memberi kemudahan pinjaman serta kemudahan iaitu pelaburan bagi kegiatan ekonomi yang berpotensi dan berdaya maju. Di samping itu juga, Labuan sebagai kawasan bebas cukai boleh menjadi tarikan utama di dalam memainkan peranan sebagai pusat pengedaran barang-barang dagangan iaitu distribution centre, dengan izin melalui pelabuhan di Labuan bagi kawasan pertumbuhan EAGA.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 2, 5, 10, 14 dan 16 hingga 30 adalah dijilid dalam buku berasingan).*

#### USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

**Kenyataan Y.B.M. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah dalam Program Perbadanan Penyiaran Australia (ABC)**

3.35 ptg.

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk mengemukakan usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini mengizinkan Ahli Parlimen Arau, Tuan Shahidan bin Kassim di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1), untuk menangguhkan Majlis Dewan bagi membentangkan satu usul tertentu berkenaan kepentingan orang ramai; yang berkehendak disegerakan, berhubung dengan kenyataan dan dakwaan Yang Berhormat Tengku Tan

Sri Razaleigh Hamzah, Ahli Parlimen Gua Musang, yang juga Presiden Parti Semangat Melayu 46, yang memburuk nama baik Kerajaan Malaysia dalam program Perbadanan Penyiaran Australia (ABC) baru-baru ini, atas sebab-sebab berikut:

Yang Berhormat Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah telah membuat kenyataan bahawa pemimpin-pemimpin Malaysia . . . . .

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti sekejap, Kok Lanas bangun atas apa?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** . . . yang dikuasai oleh UMNO, menggunakan kuasa mereka untuk memberi kontrak-kontrak besar kepada kalangan tertentu dalam UMNO . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti sekejap, ada yang bangun.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:**  
Tuan Yang di-Pertua, . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang ke berapa?

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:**  
36 (9), Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:**  
36 (9) menyebut:

“36(9) Dalam apa-apa perbahasan, tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat siapa-siapa ahli-ahli Parlimen atau siapa-siapa pegawai kerajaan selain daripada kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai ahli Parlimen atau pegawai kerajaan”.

Peruntukan ini telah menyebut bahawa temuduga yang dibuat oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah tidak ada kait dengan sifatnya sebagai Ahli Parlimen, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Baik, saya akan membuat keputusan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Usul ini adalah bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Jelas Yang Berhormat. Saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas itu tidak timbul sebab ini bukan perbahasan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Yes!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan Yang Berhormat dari Arau. (*Tepuk*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Terima kasih. Dia lawyer yang tidak faham undang-undang.

Saya sambung balik. Atas sebab-sebab berikut:

“Yang Berhormat Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah telah membuat kenyataan bahawa pemimpin-pemimpin Malaysia yang dikuasai oleh UMNO menggunakan kuasa mereka untuk memberi kontrak-kontrak besar kepada kalangan tertentu dalam UMNO, yang sudah tentu akan menguatkan pemimpin-pemimpin UMNO dalam kerajaan. Gambaran yang diberikan bahawa dengan kekuasaan UMNO dalam kerajaan sebuah Kompleks UMNO yang berharga beratus juta ringgit telah dibina. Dalam masa yang sama jutawan-jutawan UMNO yang telah diwujudkan memberi sokongan kepada pemimpin-pemimpin UMNO dalam kerajaan . . .

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti sekejap, Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Sekali gus dianggap . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kok Lanas bangun lagi ini, kali ini atas apa Yang Berhormat?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Eh! Ini Usul, saya tidak pernah ganggu orang pun.

**Seorang Ahli:** Tak usah beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, yang ke berapa Yang Berhormat?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak ada kena-mengenalah dengan usul ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Kok Lanas.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah peraturan Mesyuarat 37, ada dua perkara seseorang ahli boleh bangun.

Yang pertama, point of order.

Yang kedua, hendak minta menerangkan sesuatu perkara. Ada dua perkara, saya bangun mengikut Peraturan Mesyuarat. Kalau Yang Berhormat dari Arau tidak benar, tidak apa. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dalam Usulnya tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat bangun atas apa?

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya hendak menerangkan apa yang disebut oleh Yang Berhormat dari Arau tadi tidak tepat, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya rasa . . . .

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** . . . itu tidak tepat. Peraturan Mesyuarat 37 (b), Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Baik, sekejap.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Cuba baca (*Disampuk*) dengar dahulu, jangan jadi tidak mengikut peraturan.

Saya bangun atas Peraturan 37 (b) . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Mana boleh?

**Seorang Ahli:** Tidak boleh.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:**

“37. Seseorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap kecuali—

- (a) jika hendak mengeluarkan teguran berkenaan tertib mesyuarat (point of order) . . . . .
- (b) jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh ahli yang sedang bercakap . . . . .”

Ia sedang menuduh Yang Berhormat dari Gua Musang, mengatakan Yang Berhormat mengkhianati negara dan sebagainya. Adakah kenyataan itu benar?

**Beberapa Ahli:** (*Mengganggu*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat . . . .

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Itu tidak benar. Saya ada satu salinan, Tuan Yang di-Pertua . . . . (*Pembesar suara dimatikan*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, itu jelas saya rasa apa Yang Berhormat hendak sebutkan cuma semata-mata hendak minta penjelasan . . . . .

**Seorang Ahli:** Mengganggu!

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Menerangkan Tuan Yang di-Pertua, di bawah Perkara 37 (b), Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Cukup jelas, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Di bawah “37 (b) seseorang ahli boleh meminta laluan untuk menerangkan sesuatu perkara . . . . .”

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Cukup jelas.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kalau tidak beri?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, saya rasa . . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tidak beri.

**Seorang Ahli:** Duduk.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Okay. Saya mula daripada awal balik . . . . .

**Tuan Lau Dak Kee:** Dia benar, cuma . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Arau bolch teruskan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ya, tetapi nampaknya sebab terganggu, jadi saya hendak mula daripada awal balik.

Usul menangguhkan Dewan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1), untuk membincangkan kenyataan temu bual oleh Yang Berhormat Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah dengan Perbadanan Penyiaran Australia yang memburukkan nama Malaysia.

Saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18, untuk mengemukakan usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini mengizinkan Ahli Parlimen dari Arau, Tuan Shahidan bin Kassim di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) untuk menangguhkan Majlis Dewan bagi membentangkan satu usul tertentu; berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, berhubung dengan kenyataan dan dakwaan Yang Berhormat Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Ahli Parlimen Gua Musang, yang juga Presiden Parti Semangat Melayu 46 yang memburukkan nama baik Kerajaan Malaysia, dalam program Perbadanan Penyiaran Australia (ABC) baru-baru ini atas sebab-sebab berikut:

Yang Berhormat Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah telah membuat kenyataan bahawa pemimpin-pemimpin Malaysia yang dikuasai oleh UMNO menggunakan kuasa mereka untuk memberi kontrak-kontrak besar kepada kalangan tertentu dalam UMNO, yang sudah tentu akan menguatkan pemimpin-pemimpin UMNO dalam kerajaan. Gambaran yang diberikan bahawa dengan kekuasaan UMNO dalam kerajaan sebuah Kompleks UMNO yang berharga beratus juta ringgit telah dibina. Dalam masa yang sama jutawan-jutawan UMNO yang telah diwujudkan memberi sokongan kepada pemimpin-pemimpin UMNO dan kerajaan, sekali gus dianggap kerajaan pimpinan sekarang adalah kerajaan rasuah dan UMNO adalah parti yang mengamalkan politik wang”. (*Disampuk*)

Tuduhan Yang Berhormat Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah telah disuarakan melalui Perbadanan Penyiaran Australia (ABC) yang publisiti yang begitu luas. Kepimpinan Malaysia telah membidas sikap Yang Berhormat Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah sebagai perbuatan orang yang kecewa dan fitnah semata-mata.

Yang Berhormat Tengku Tan Sri Razaleigh dalam kenyataan akhbar pada 16hb November, 1994 yang disiarkan pada 17hb November, 1994 telah mencabar pihak Kerajaan untuk menyiarkan kenyataan beliau, kalau tidak, terbuktilah mereka berbohong. Mengikutnya beliau tidak pernah ke Australia dalam jangka masa yang lama dan kali terakhir beliau ke sana ialah 8 tahun dahulu.

Pihak kerajaan dan RTM akhirnya telah menyiarkan kenyataan Yang Berhormat Tengku Razaleigh dengan Perbadanan Penyiaran Australian (ABC) yang dibuat di rumahnya, replika “White House” yang berharga berjuta-juta ringgit. Semua rakyat Malaysia yang prihatin menyaksikan gelagat seorang rakyat Malaysia yang mengaku anak Melayu jati, cintakan negara dan mahu mati di sini menceritakan kepada negara asing yang kerajaan sekarang adalah kerajaan yang rasuah, pemimpinnya rasuah malah Belanjawan Negara 1995 yang dibentangkan baru-baru ini menyeleweng dari kepentingan rakyat.

Perbuatan memburukkan nama Malaysia kepada negara yang tidak senang dengan kita sama seperti menikam dari belakang. Ini boleh menjejaskan kedudukan ekonomi negara dan juga keselamatan negara sekiranya negara-negara lain mula memulaukan Malaysia.

Di atas alasan-alasan yang diberikan, saya juga meminta agar Dewan yang mulia selepas habis perbahasan agar dibawa satu usul untuk diundi yang berbunyi:

“Bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini bersetuju untuk merujuk Ahli Parlimen Gua Musang kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana memalukan Malaysia dan Parlimen sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 80 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Shahidan Kassim.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen dari kawasan Arau pada 14hb November, 1994 jam 10.03 pagi tadi. Teks usul itu adalah seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat yang berkenaan.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua, hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah, bahawa perkara itu adalah perkara yang tertentu; syarat yang kedua, ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan syarat yang ketiga, ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu dan ianya adalah bagi kepentingan orang ramai tetapi pada fikiran saya, usul ini tidak perlu disegerakan kerana ia telah mendapat jawapan dari pihak kerajaan dengan sepenuhnya. Oleh yang demikian, ia tidak perlu dipanjangkan lagi. Oleh itu, saya menolak usul ini. *(Tepuk)*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1995

*Bacaan Kali Yang Kedua*

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1995

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Rang Undang-undang Perbekalan 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Empat Belas Bilion, Empat Ratus Dua Juta, Sembilan Ratus Enam Puluh Enam Ribu dan Tujuh Ratus (RM14,402,966,700) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1995, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau “P” dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 Tahun 1994, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut”. *(10hb November, 1994)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Ahli Petaling Jaya diminta sambung dan had tempoh tetap dikekalkan, Yang Berhormat.

3.44 ptg.

**Dr. Kua Kia Soong (Petaling Jaya):**  
Tuan Yang di-Pertua, minggu lepas saya telah membongkarkan beberapa aspek KTMB yang menimbulkan masalah. Saya juga telah menyebut dalam ucapan saya yang lepas bahawa oleh kerana keadaan landasan yang ditanam oleh IRCON (Indian Railway Construction) yang kurang memuaskan dan kerja penandaan atau signalling yang dibuat oleh SAPURA kurang bermutu maka kereta api baru tidak mungkin mencapai 120 batu sejam seperti yang dikatakan oleh KTMB. Jelaslah tanggungjawab mesti dipikul oleh pengurusan KTMB.

Ketiga, mengenai akaun KTMB yang dipersoalkan. Dalam jawapan beliau, Timbalan Menteri telah cuba menafikan bahawa terdapat masalah dalam akaun KTMB dengan berkata bahawa akaun yang saya rujuk itu tidak lengkap. "Bahawa dari Januari hingga Julai 1992 akaun adalah di bawah KTM manakala daripada Ogos sehingga Disember, 1992 ia adalah di bawah KTMB". Fakta masih kekal bahawa daripada 1hb September, 1992 KTMB bermula dengan suatu babak yang bersih, maka laporan tahunan KTMB dan akaun yang saya rujuk itu pastilah tidak menunjukkan akaun KTM lagi.

Selain daripada itu, selepas persyarikatan korporatiasian KTMB adalah tertakluk di bawah Akta Syarikat. Ini bermaksud bahawa pengerusi menandatangani akaun sebenar dan haruslah mendedahkan maklumat itu kepada orang awam. Akaun adalah diaudit oleh Akauntan Awam. Jadi, macam manakah akaun ini boleh dikira sebagai Rahsia Rasmi (Official Secret) seperti yang dikatakan oleh Timbalan Menteri dan Ahli Parlimen BN demi mengugut kakitangan awam yang prihatin? Kalau tidak, Akauntan Awam boleh menghadapi

dakwaan di bawah Akta Rahsia Rasmi. Sebenarnya adalah akaun yang telah diaudit dalam Laporan Tahunan KTMB 1993 itu tidak lengkap. Ini boleh dilihat di bawah Trade Debtors, dengan izin, pada muka surat 46:

"Included in Trade Debtors is an amount of RM1,909,715 representing rental receivable from State Government in relation to public level crossing tenancy for the current financial year".

Tuan Yang di-Pertua, maka apa yang kita lihat dalam Laporan Tahunan KTMB 1993 hanyalah akaun inoivis, iaitu boleh diterima (receivable) dan bukan apa yang telah diterima (received). Kita tahu bahawa dalam kes public level crossing tenancies, dengan izin, KTMB tidak pernah menerima sewa ini daripada Kerajaan Negeri. Daripada akaun ini kita melihat kerugian yang diwarisi (inherent losses) sebanyak RM20 juta tiap-tiap tahun dan pinjaman pihak swasta sedang meningkat.

Soalan yang kita ingin bertanya ialah, macam manakah KTMB membayar pinjaman ini? Saya berpendapat bahawa kerugian yang diwarisi telah ditutup secara sengaja dan secara tipu. Dengan itu semua pembayar cukai dan pelabur yang berpotensi pun diselewengkan. Wang pembayar cukai telah digunakan untuk memanfaatkan suatu kumpulan minority dalam KTMB dan speculators yang bergantung kepada nilai saham KTMB yang dijangka akan disenaraikan publik dengan berdasarkan imej palsu persyarikatan kereta api.

Tuan Yang di-Pertua, maka kita menyeru untuk suatu audit pengurusan, suatu audit kewangan dan juga suatu audit operasi untuk membuka tudung penutupan KTMB secara tipu itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya berharap saya akan mendapat satu jawapan Timbalan Menteri yang memuaskan dan bukannya apa yang terjadi pada mesyuarat lalu di mana Timbalan Menteri kata dia akan jawab pada committee stage tetapi apabila sampai committee stage, dia telah lupa.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara ialah mengenai perkhidmatan khas yang dijalankan oleh konco-konco Barisan Nasional. Melalui kronisme dan rasuah yang dicirikan dalam pentadbiran Barisan Nasional, kita mendapati bahawa wang pembayar cukai dalam kiraan bilion telah hilang kerana pakar yang sesuai tidak menguruskan bidang teknikal tinggi itu. Kontrak tidak diberikan kepada tender yang terbaik tetapi kepada kontraktor yang berkaitan dengan elit pemerintah. Kontrak pengelektrikan dan penandaan dalam KTMB hanyalah suatu contoh. Kebakaran yang memusnahkan RM18 juta sistem radar di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang juga memfokuskan kelayakan dan kesesuaian ketua DCA. Tetapi Menteri Pengangkutan berkata bahawa, "there is no necessity for a technical man to head the department". Dahulu saya pernah mendedahkan skandal yang sama dalam Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Contohnya, kontrak diberi kepada syarikat yang mempunyai rekod yang buruk seperti TETRACON dan telah menyebabkan kehilangan berjuta-juta ringgit dalam kerosakan stesen tenaga. Senarai pembelian turbine yang dipunyai oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos kebelakangan ini adalah dalam harga berjuta-juta ringgit. Dalam kes 7 turbine gas untuk Paka, kos yang diberi oleh Menteri adalah RM1 bilion manakala ia hanya berharga RM500 juta. Apabila kita berkata tentang mengupah pakar untuk menjalankan industri yang memerlukan kepakaran, saya pernah mendedahkan bagaimana Menteri Tenaga

yang sebenar-benarnya seorang pelakon yang layak membeli pelengkapan tenaga yang berteknikal tinggi dengan bernilai berjuta-juta ringgit bersama-sama dengan seorang pakar jantung iaitu Dr. Iravally yang layak. Soalnya melampaui kelayakan credential dari segi pemilihan turbine yang kita perlu tetapi kenapakah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos perlu menziarahi ibu kota Eropah sebelum membuka tender.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah keadaan sebenar dalam industri tenaga hari ini. Disebab salah pengurusan, kronisme dan rasuah, kita tidak mengeluarkan amaun tenaga yang kita harus taksirkan, tetapi orang awam diberitahu bahawa ia adalah kenaikan permintaan secara tiba-tiba kerana pertumbuhan ekonomi, maka kita harus bergantung kepada Independent Power Producers dan malah projek Empangan Bakun yang membahaya terhadap alam sekitar dan sosial.

Bila kita melihat semua Independent Power Producers dan tanya berapakah di antara mereka yang tahu tentang pengeluaran tenaga, kita pun akan faham apakah kesalahan dalam program perindustrian hari ini. Cara IPP memperolehi lesen daripada Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, sama seperti orang yang mendapatkan lesen teksi ataupun A.P. iaitu melalui kronisme dan selepas itu mereka menempel pada seorang kontraktor luar negeri. Dalam proses ini, dalam tempoh yang singkat, sejak black-out raksasa pada September 1992, kelengkapan yang bernilai berbilion-bilion ringgit diimport secara wholesale bersama-sama dengan pakar luar negeri mereka. Adakah ini perancangan yang berhati-hati dan berekonomi? Bukankah ini memeranjatkan bahawa dengan kesemua aktiviti IPP ini dan rancangan untuk membina projek tenaga hidro-elektrik yang berharga RM15

bilion ini kita masih tidak mempunyai dasar tenaga kebangsaan yang menekankan kesan alam sekitar yang minimum, kerana tenaga yang boleh diperbaharui, simpanan tenaga dan perkembangan teknologi kita tidak mempunyai suatu dasar tenaga kebangsaan langsung.

Tuan Yang di-Pertua, adalah luar biasa bahawa . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Dr. Kua Kia Soong:** . . . . . bahawa sesetengah daripada projek penswastaaan yang terbesar dalam negara hari ini adalah dipimpin oleh orang yang hampir tidak tahu langsung kepakaran yang terlibat, maka kita mempunyai Datuk Ting Pek Khiing, seorang pemotong pokok mengendalikan projek Tenaga Hidro-elektrik Bakun, kita mempunyai Ahli Pertanian seperti Tan Sri Basir yang mengendalikan PETRONAS, Ahli Pertanian, Tan Sri Ani Arope, yang mengendalikan TNB, bagi Telekom pula kita mempunyai seseorang yang mempunyai Ph.D dalam bidang manure — Tan Sri Rashdan.

Dengan ini saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Hulu Selangor.

3.53 *ptg.*

**Tuan G. Palanivel (Hulu Selangor):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membahar uapan Belanjawan tahun 1995.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya nyatakan di sini bahawa Belanjawan tahun 1995 telah memperlihatkan lebih banyak manfaat dan kemajuan untuk masyarakat kita. Ianya telah mengambil kira keperluan-keperluan masyarakat

malah ia telah mengambil kira keperluan-keperluan perseorangan dan juga keperluan-keperluan setiap golongan masyarakat Malaysia keseluruhannya.

Salah satu contoh ialah pelupusan atau pengurangan duti-duti import terhadap beberapa barangan yang digunakan untuk keperluan keagamaan seperti skaf, jubah, tasbih, serban dan lain-lain barangan yang digunakan oleh orang bukan Islam seperti kertas jos, kayu jos, agarbatti, sami tatte dan samy vilekku.

Pelupusan duti-duti import ke atas lampu minyak yang digunakan oleh penganut-penganut Hindu untuk upacara sembahyang adalah sangat bermakna. Lampu-lampu minyak ini digunakan untuk sembahyang dan memohon kepada tuhan dan dewa-dewa. Beribu-ribu lampu minyak ini digunakan di beberapa ribu kuil dan rumah penganut-penganut orang Hindu. Penganut-penganut Hindu bersembahyang tiga hingga lima kali sehari di kuil dan rumah-rumah dan mereka menggunakan lampu-lampu ini semasa bersembahyang. Pada kebiasaannya, setiap rumah penganut Hindu mempunyai altar dan lampu-lampu minyak ini dinyalakan di tempat sembahyang ketika sembahyang. Langkah ini menunjukkan sifat toleransi kerajaan terhadap agama dan saya berterima kasih kepada pihak kerajaan, khasnya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di atas langkah yang diambil dan saya percaya penganut-penganut Hindu sekalian amat menghargai langkah itu dan akan terus menyokong pihak kerajaan Barisan Nasional dalam setiap tindakannya.

Tetapi masih terdapat satu masalah besar yang terus dihadapi oleh penganut-penganut Hindu dan Sikh iaitu masalah kekurangan sami atau priest yang terlatih dan berkelayakan untuk kuil-kuil mereka. Adalah sukar untuk mendapatkan rakyat Malaysia yang berkelayakan untuk

mengisi kekosongan ini. Walaupun pihak kerajaan masih membenarkan sami-sami ini dibawa masuk dari negara India dan Sri Lanka dengan menggunakan permit-permit kerja tetapi masih terdapat kelewatan dan birokrasi yang berlaku dalam mendapat kebenaran serta permit untuk sami-sami ini.

Pihak kuil-kuil Hindu dan Sikh memerlukan sami-sami serta pemuzik-pemuzik ini dan kesukaran dalam mendapatkan mereka ataupun menggantikan mereka apabila permit-permit kerja mereka tamat, menyebabkan gangguan dalam upacara sembahyang harian mereka di kuil-kuil tersebut. Pihak kuil dapat memberi jaminan bahawa sami-sami ini akan meninggalkan negara apabila permit mereka tamat. Oleh itu saya menyeru agar pihak kerajaan menyenangkan pihak kuil dalam masalah mengambil sami-sami, pemuzik-pemuzik, pengukir-pengukir dan lain-lain kakitangan untuk mendapatkan permit-permit.

Ingin saya nyatakan di sini bahawa saya gembira kerana pihak kerajaan dan juga Menteri Kewangan memberikan perhatian berat terhadap kemajuan perumahan harga rendah atau rumah murah. Saya telah menyentuh perkara ini beberapa kali dalam Dewan ini dan saya gembira dengan peruntukan RM2.6 bilion yang diberi bagi membangunkan rumah harga rendah. Walau bagaimanapun, saya merasa amat dukacita tentang kenyataan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan baru-baru ini yang menyatakan bahawa hanya 22.6% daripada target perumahan harga rendah sektor awam dicapai untuk tahun-tahun 1991 – 1993. Sektor swasta haruslah mengepalai pembinaan rumah-rumah harga rendah. Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menentukan target pembinaan rumah-rumah harga rendah dapat dipenuhi.

Saya juga ingin tahu setakat manakah kemajuan yang telah dicapai berhubung dengan penubuhan Lembaga Rumah Murah yang saya cadangkan beberapa kali di Dewan ini. Selain dari itu saya berharap pihak Kerajaan Persekutuan dapat memberikan penekanan terhadap skim pemilihan rumah pekerja-pekerja ladang. Ini adalah penting memandangkan langkah yang dijalankan untuk menjadikan ladang-ladang kepada kawasan perindustrian. Pertukaran mendadak kawasan ladang kepada industri, menyebabkan pekerja-pekerja ladang dan keluarga mereka yang telah bertahun-tahun tinggal di ladang-ladang tanpa tempat tinggal, pekerjaan, tempat beribadat dan sekolah untuk anak-anak mereka.

Kerajaan Negeri Selangor sedang melaksanakan satu polisi yang mewajibkan mereka yang mengambil alih ladang-ladang untuk dimajukan supaya mengadakan rumah harga rendah dan lain-lain kemudahan kepada pekerja-pekerja ladang. Polisi lain-lain negeri mengenai perkara ini masih lagi samar-samar dan Kerajaan Persekutuan haruslah menguatkuasakan polisi yang sama dengan Kerajaan Negeri Selangor di mana ladang-ladang diambil alih untuk dimajukan.

Satu lagi perkara yang saya ingin minta Kerajaan Persekutuan tumpukan perhatian ialah kemudahan pengangkutan untuk pengguna-pengguna di kawasan Hulu Selangor ke Kuala Lumpur. Hulu Selangor yang diwakili oleh saya sedang mengalami pembangunan pesat, tetapi kemajuan kemudahan pengangkutan adalah tidak seimbang dengan lain-lain kemajuan. Kemudahan pengangkutan bas dari Kuala Lumpur ke Kuala Kubu Bharu dan lain-lain pekan adalah kurang memuaskan, terutamanya di waktu-waktu sibuk. Perkhidmatan bas dan teksi dari Rawang ke Kuala Kubu Bharu dan lain-lain pekan adalah kurang, begitu juga dari Tanjong Malim ke Kuala Kubu Bharu dan

lain-lain bandar. Memandangkan kepada kemajuan jalan-jalan baru, perkhidmatan bas juga harus dimajukan dari Batang Berjuntai ke pekan-pekan di Hulu Selangor.

Saya juga ingin Kementerian Pengangkutan memasukkan ke dalam rancangannya untuk memperbaiki keadaan pengangkutan kereta api dari Kuala Lumpur hingga ke Tanjong Malim. Kemajuan pengangkutan kereta api akan memberi manfaat kepada mereka yang tinggal di pekan-pekan seperti Serendah, Sungai Choh, Bandar Bukit Beruntung, Batang Kali, Kuala Kubu Bharu dan Kalumpang. Kemajuan perkhidmatan bas dan kereta api ke tempat-tempat ini haruslah dipertimbangkan pada kadar yang segera dan saya menyeru pihak kerajaan supaya memberikan peruntukan untuk memajukan kemudahan-kemudahan pengangkutan ke Hulu Selangor.

Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dungun.

*4.00 ptg.*

**Tuan Haji Awang bin Jabar (Dungun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syukur Alhamdulillah kerana dapat bersama mengambil bahagian dalam membahaskan Belanjawan 1995 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada 28hb Oktober yang lalu.

Banyak sudah, Tuan Yang di-Pertua, nama-nama indah yang diberi kepada Belanjawan ini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang membahaskannya terlebih dahulu daripada ini, yang pada tanggapan saya tidak lebih dari merupakan kegembiraan pemimpin dan pendukung Kerajaan kerana dapat terus memberi perkhidmatan kepada rakyat di negara ini.

Saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, dengan dasar kewangan yang mantap seperti yang dizahirkan di dalam Belanjawan ini, rakyat akan terus menikmati kemakmuran yang berpanjangan.

Tuan Yang di-Pertua, selain dengan cara menurunkan cukai-cukai untuk keselesaan rakyat, Belanjawan ini juga memberi fokus khas kepada pertumbuhan ekonomi negara dan menurunkan kadar inflasi dan kalau kita melihat kepada fokus dan kehendak hasrat daripada Belanjawan ini, penurunan inflasi ini kalau boleh kepada apa yang disifatkan sebagai zero inflation. Untuk membendung inflasi, kalau pun tidak kepada taraf sifar, setidak-tidaknya kepada kadar yang paling minimum, saya pada petang ini ingin mengajukan 10 cara.

Cara satu ialah mengurangkan perbelanjaan. Cara dua, menaikkan kadar faedah kepada penyimpan-penyimpan di institusi kewangan. Cara tiga, mengawal kenaikan gaji dan upah. Cara empat, mempertingkatkan bilangan barang-barang kawalan. Cara lima, pengguna-pengguna hendaklah jangan membeli barang-barang yang nyata harganya telah meningkat. Cara enam, paksa orang ramai supaya berjimat dan kurangkan perbelanjaan pada barang-barang mewah. Cara yang ketujuh, menambahkan bekalan barang-barang tertentu yang kekurangan dan diperlukan dengan banyaknya oleh pengguna. Cara yang kelapan, membentuk budaya pengguna supaya tidak terpengaruh dengan jenama dan tanda harga kerana jenama dan tanda harga bukan melambangkan kualiti yang sebenar. Cara yang kesembilan, Tuan Yang di-Pertua, ialah elakkan dari terjerumus ke dalam kancah perhambaan teknologi ataupun technology slave dan cara terakhir, iaitu cara yang kesepuluh ialah ikut arahan Al-Quran di mana ayat 26 dan 27, surah Al-Israq mengarahkan supaya tidak melakukan pembaziran.

Tuan Yang di-Pertua, makna dan pengertian kebaikan Belanjawan atau perancangan kewangan dapat dilihat dalam satu gambaran keharmonian dan kesejahteraan hidup rakyat dari segi rohani dan jasmani, dan apabila struktur rohani, akidah dan keimanan tidak mantap, erti dan pengertian Belanjawan akan tidak wujud lagi. Di negara kita sekarang ini, akidah dan keimanan semacam berada dalam satu dilema. Ini terbukti, Tuan Yang di-pertua, dengan berlakunya gejala anti-moral, anti-Islam seperti "bohsia", "bohjan", lepak dan lain-lain dengan berleluasa di semua lapisan masyarakat dan hal ini timbul mungkin disebabkan oleh kerana masyarakat berada dalam keadaan ghaflah, mungkin disebabkan oleh kejahilan dan mungkin juga disebabkan oleh dipengaruhi oleh ajaran sesat dan menyeleweng.

Kita dilaporkan, Tuan Yang di-Pertua, ada terdapat 43 jenis ajaran sesat di seluruh negara yang masing-masing bergerak ke arah yang bertentangan dengan kehendak Islam. Bagi menyekat gejala-gejala negatif itu, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya merangka Akta Dakwah yang mencakupi bidang-bidang perancangan dan penguatkuasaan dakwah dan undang-undang Islam, selaras dan selari dengan kehidupan dalam masyarakat majmuk seperti kita ini, selain ianya dapat membantu kelicinan perjalanan enakmen Hukum Syarak di setiap negeri yang sedia ada.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, negeri Terengganu telah memulakan fasa kedua pembangunannya. Pelancaran ASDI baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 31hb. Oktober yang lalu menjadi landmarknya. Mengenai pembangunan fasa pertama di Terengganu memang berjalan dengan keadaan yang

baik kerana di Terengganu dari segi resources cukup — ada minyak, ada gas, ada emas. Dari segi prasarananya pun cukup — ada airport, network ataupun rangkaian jalan raya, bekalan air, janakuasa.

Potensi pelancongan di Terengganu pun cukup baik. Terengganu ada Pulau Tinggul, ada Pulau Kapas, ada Pulau Redang, ada Pulau Perhentian, ada Tasik Kenyir dan ada Gunung Setebuk. Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, dalam hal-hal yang sebegini dalam melaksanakan pembangunan fasa pertama ini, rakyat pun ada sedikit bising. Kebisingan ini kerana tidak dapat turut serta di dalam pembangunan. Alasannya tidak cukup modal, alasannya tidak ada kemahiran. Dengan kehandalan dan kemantapan pemimpin-pemimpin negeri sendiri, isu-isu yang timbul itu dapat kita atasi. Alhamdulillah. Tetapi apabila masuk kepada perancangan, pembangunan fasa kedua ini, kita pun bimbang. Kita bimbang dengan alasan-alasan yang artificial umpamanya. Pembangunan fasa yang kedua ini akan menyebabkan juga kebisingan rakyat terus menerus.

Jadi, oleh hal yang demikian, bagi menjadikan pembangunan di Terengganu pada fasa kedua ini dapat dinikmati oleh rakyat Terengganu seluruhnya, Kerajaan Pusat hendaklah memberi tumpuan yang agak lebih sedikit ke arah yang diperlukan. Umpamanya dengan alasan yang artificial yang saya sebutkan tadi, dengan alasan kerana dekat dengan pelabuhan supply base di Kemaman, maka banyaklah kilang-kilang dan factories diletakkan di Kemaman, dibangunkan di Kemaman. Jadi, Besut tertinggal, Kuala Berang pun tidak dapat, Dungun apa tah lagi. Bagi memperdekatkan jurang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Lebuhraya Timur-Barat yang dicadangkan daripada Hulu Terengganu ke Sungai Siput hendaklah disegerakan ataupun

sebagai alternatifnya kita reka satu lebuh raya baru antara Pasir Raja, Karak, via Ulu Tembeling. Dengan adanya lebuh raya ini, insya-Allah, orang-orang di sebelah pedalaman Terengganu dapat membangunkan factories yang boleh kita angkut, kalau tidak ke Kuantan atau Kemaman pun, ke Pelabuhan Kelang, ke Pulau Pinang dan berbagai-bagai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu Terengganu juga perlu kepada rangkaian kereta api. Kereta api adalah merupakan satu cara perhubungan yang telah lama diadakan di negara kita, tetapi Terengganu tidak ada. Kalau tidak sampai ke Dungun pun, bawalah ke Besut — lama-lama sampailah ke Dungun, sampai ke Kuantan, selepas itu balikkah ke Johor dan sebagainya.

Ini dua keperluan yang saya nampak perlu disegerakan dan kalau keperluan ini dapat kita segerakan, insya-Allah, pembangunan Terengganu fasa kedua akan dapat dinikmati oleh rakyat negeri Terengganu dengan sebaiknya.

Dengan pandangan dan cadangan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Pengkalan Chepa.

4.12 ptg.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk membahas sama Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada 28hb Oktober 1994 lepas.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada 28hb Oktober 1994 lepas mendapat sanjungan umum kerana sepintas lalu ia merasa benar-benar melegakan rakyat dan dapat menidurkan

orang-orang dan golongan-golongan yang tertentu. Dengan menurunkan cukai-cukai dan melepaskan sejumlah besar harga barang-barang keperluan rakyat, ianya telah dianggap baik dan merupakan hadiah kerajaan kepada rakyat sebagaimana dikatakan oleh Perdana Menteri.

Pembentangan Belanjawan secara begini memanglah tepat dengan musim kempen pilihan raya dan menjadi kunci undi kerajaan dalam pilihan raya umum akan datang ini. Saya tumpang merasa bangga dengan kelicinan kerajaan memancing undi rakyat dan mencerminkan Belanjawan berhemat dan berimbang, bahkan Belanjawan yang terbaik sekali di dunia, kata wakil Arau dari Perlis.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat . . . Yang Berhormat . . . Jerai minta penjelasan. Jerai bangun untuk apa? Hendak minta jalankah?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tak dapat, tak beri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tak beri.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, sudah beberapa tahun saya mengikuti Belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan sekarang yang penuh mempunyai harapan dan ingin melihat sesuatu yang positif berlaku pada zaman beliau menjadi Menteri ini, tetapi malang, apa yang diperolehi ialah istilah-istilah bahasa dan pengenalan-pengenalan tutur kata yang dicuri dari bahasa asing, sedangkan angka-angka dan program-program pada keseluruhannya tidak berbeza.

Tahun ini nampaknya begitu menonjol beliau kemukakan istilah-istilah bahasa baru dan menggunakan dari berbagai-bagai bahasa dan bangsa sehingga bahasa Cina pun turut diperkenalkan dalam ucapan Belanjawan ini.

Tahun lepas beliau mengaitkan Belanjawan dengan cerita Nabi Allah Yusuf di mana 7 tahun zaman mewah; diikuti 7 tahun pula dengan zaman meleset. Kita harap Menteri Kewangan akan menghayati sejarah itu bagi dijadikan teladan. Tahun ini Menteri Kewangan menyebut tentang pertumbuhan ekonomi yang baik kerana sudah 7 tahun berturut-turut pertumbuhan pada kadar 7% atau lebih. Jika apa yang dialami oleh zaman Nabi Yusuf itu berulang pula di Malaysia, maka kemajuan 7 tahun berturut-turut itu akan diikuti pula 7 tahun kemerosotan.

Nabi Yusuf telah membuat persiapan rapi di mana bahagia untuk 7 tahun zaman meleset. Adakah Menteri Kewangan sekarang membuat persiapan sama? Tetapi dengan Belanjawan ini dan politik wang yang berlaku sekarang, kerajaan tidak mampu dan Belanjawan Nabi Allah Yusuf bersih dari mengandungi cukai-cukai arak, judi dan program-program yang meruntuhkan maruah bangsa dan negara, apa lagi yang bercanggah dengan Islam.

Tahun ini pula, beliau kaitkan Belanjawan ini dengan cerita Ibn Khaldun dan Imam Ghazali. Nampaknya ramai kenalan beliau dengan tokoh-tokoh politik Islam dan pakar-pakar sejarah Islam yang agung di zaman silam. Bagus — memang bagus usaha cemerlang beliau mendampingi orang-orang seperti ini. Tetapi janganlah sekadar mengenal nama mereka yang terpampang sahaja. Kenallah fungsi dan tugas serta peranan-peranan yang dimainkan dan diperjuangkan oleh mereka secara terperinci dan kesanlah amalan-amalan peribadi sepanjang jihad mereka, apakah sama dengan amalan-amalan kita sekarang?

Bagi saya, Belanjawan yang dibentangkan pada 28hb Oktober 1994 lepas adalah lebih merupakan sifat seorang bapa dan ibu yang menjaga susu anak-anak ataupun coklat untuk bergembira, jangan menangis. Bukan sifat seorang pemimpin yang bertanggungjawab untuk menjaga rakyat dan masyarakat supaya tidak terhanyut dan terjebak dengan pengaruh-pengaruh liar . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Jerai bangun Yang Berhormat. Pengkalan Chepa, Jerai hendak minta jalan lagi.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tidak benarkan. Bahkan Belanjawan ini . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Pak Nik kedekut! (*Ketawa*)

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Nanti, akhir saya benarkan. Bahkan Belanjawan ini adalah Belanjawan:

“Tepuk amai-amai, belalang kupu-kupu,

Keluar beramai-ramai, undi parti aku!”  
(*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, kebijaksanaan Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan ini bukan untuk memandu bahtera ke pantai bahagia, tetapi kebijaksanaan beliau untuk memperkenalkan nakhoda dan mengorek telinga rakyat supaya mendengar jeritan suara buatan sendiri.

Walau bagaimanapun, kita tidak dapat memberi pengakuan atau memihak kepada mana-mana Belanjawan sekiranya tidak merangkumi dua keperluan asas, iaitu keperluan jasmani dan keperluan rohani. Kalau pertimbangan kerajaan

dalam Belanjawan hanya menumpu semata-mata ke arah pembelaan hidup lahiriah dengan menafikan keperluan-keperluan asas, iaitulah pembangunan ummah atau insan, maka Belanjawan itu akan sia-sia, gagal dan kecewa sebagaimana yang telah berlaku hari ini.

Belanjawan yang ada di hadapan kita sekarang pada hakikatnya tidak mempunyai penekanan yang sewajar dalam usaha membanteras punca-punca dan gejala-gejala kesuburan pengaruh-pengaruh jahiliah dan amalan-amalan buta melihat fitrah insaniah, ruang penyelewengan dan galakan pembaziran terbuka begitu luas. Mengapa kerajaan tidak berani berterus terang melaksanakan tanggungjawab memperkenalkan tuntutan Ilahi berpandukan kepada ayat Allah yang berbunyi: *(Sambil membaca petikan ayat Al-Quran)* yang bermaksud, "Bagaimana sebuah kerajaan yang mendakwakan dirinya Islam, tetapi dalam pelaksanaan tugasnya melarikan diri dari menjalani syariah Ilahi?"

Apa maksud firman Tuhan dengan ayat ini, iaitulah ayat tersebut? *(Sambil membaca petikan ayat Al-Quran)* Inilah tugas yang utama dan maha agung bagi mana-mana kerajaan yang mendakwakan dirinya Islam, wajib melaksanakan projek raksasa ini bagi menyelamatkan rakyat dan memimpin masyarakat, bukan untuk menggula-gulakan pengundi dan memancing undi mereka.

Kita mahu tanya kerajaan sekarang, mengapakah dadah tak boleh diselesaikan? Mengapa rasuah, rogol, dera anak-anak, lepak, bohsia dan seribu satu penyelewengan berlaku berleluasa sekarang? Mengapa maruah pemimpin tercabar? Mengapa kehakiman dipertikalkan? Mengapa undang-undang tidak berdaulat. Mengapa? Dan mengapa Malaysia sekarang penuh terisi dengan kepalsuan hidup berpura-pura?

Keruntuhan akhlak muda-mudi menjadi-jadi. Pembaziran harta-benda negara dan rakyat tidak boleh dikawal. Rampas-merampas harta benda rakyat terjadi di merata tempat; paksa-memaksa dan tekan-menekan kebebasan rakyat masih berlaku. Apakah masih tak bermata kerajaan mencari dan melihat punca-punca yang sebenar?

Baru-baru ini Timbalan Menteri Dalam Negeri membuat kenyataan terbuka iaitu kerajaan terpaksa menanggung belanja pemulihan dadah sebanyak RM1 bilion setahun. Kalau dikira, menjelang Wawasan 2020, ia akan melibatkan RM26 bilion. Kelas KEMAS di Kelantan pula menyatakan, negeri Kelantan terpaksa membelanjakan wang untuk KEMAS di Kelantan sahaja sebanyak RM1.5 juta setahun. Mengapa duit RM26 bilion dihabiskan kerana dadah sedangkan dadah berkembang biak macam cendawan tumbuh?

Kelmarin surat khabar telah menyiarkan, dalam tempoh 5 tahun pertama, orang yang terlibat dengan dadah hampir 10,000. Apakah tidak ada jalan lain untuk menyelamatkan duit RM26 bilion ini, tetapi dadahnya dapat dikawal dan dipulihkan? Akta Dadah Berbahaya sekarang sudah sampai kepada peringkat tidak boleh dipinda lagi kerana habis di kemuncaknya. Saya sendiri telah berkali-kali menegur dan membahaskan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya ini di dalam Dewan yang mulia ini. Apa hasil dengan wang RM1.5 juta yang dihabiskan oleh KEMAS Kelantan ini? Bagaimana pula jumlahnya kalau dikalikan dengan 13 buah negeri yang ada KEMAS ini? Dari mana wang ini datang dan untuk apa KEMAS ditubuhkan? KEMAS partikah ataupun KEMAS kerajaan? Setahu saya KEMAS parti tetapi kerajaan yang menanggungnya. Sebenarnya KEMAS ini merupakan

rumpun pagar untuk makanan lembu sabung ataupun lembu pelaga UMNO (Baru) sedang ianya tidak berfungsi apa-apa selain daripada menghabiskan wang negara dan pancing rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak akan stabil hidup rakyatnya dan tidak akan wujud rasa harmoni di kalangan mereka selagi usaha kerajaan tidak menjuruskan kepada apa yang dikehendaki oleh dua keperluan asas seperti apa yang disebutkan tadi. Memandangkan kepada perkembangan mutakhir ini begitu sekali menonjol pengaruh-pengaruh liar, keruntuhan-keruntuhan akhlak dan amalan-amalan jahiliah dan seolah-olah Malaysia ini suatu hari nanti akan kembali ke zaman gelap dan jakun dari sudut keruntuhan moral dan akhlak masyarakat, maka saya bagi pihak Pembangkang menyeru dan menyarankan supaya kerajaan dalam keghairahan mendabik dada dengan pertumbuhan ekonomi negara, janganlah pula lupa melihat sesuatu yang negatif tumbuh melanda negara kita ini lebih pesat lagi daripada pertumbuhan ekonomi itu sendiri dan kerajaan tidak ada cara lain melainkan bersedia dan berani mengubah sikap dan minda demi untuk memandu bahtera dan menyelamatkan penumpang-penumpang. Bukan untuk memperkenalkan nakhoda atau mendengar tempikan suara nyaring seekor keldai yang sesat di tengah-tengah padang pasir dan dahaga untuk mendapat seteguk air.

Tuan Yang di-Pertua, agaknya sampai bilakah Kerajaan Malaysia dapat melihat negeri Kelantan dengan mata seorang bapa terhadap anaknya? Apakah masih tidak jemu-jemu lagi mendera rakyat Kelantan yang tidak berdosa itu? Apakah bezanya keburukan seorang bapa ataupun ibunya mendera anak-anak yang tidak berdosa dengan keburukan sebuah Kerajaan Pusat mendera sebuah Kerajaan Negeri yang menjadi anak kandung yang sah dari hukum negara dan hukum syaraknya.

Kalau bapa mendera anak boleh dihukum, apakah Kerajaan Pusat mendera Kerajaan Negeri Kelantan tidak boleh dihukum? Selama mana Kerajaan Pusat mahu hidup dengan nyawa palsu ini? Apakah dia tidak menyedari ajal tidak akan meragut nyawanya?

Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan merangkap Timbalan Perdana Menteri dalam lawatannya ke Kelantan telah membuat kenyataan liar dan angkuh menuduh Kerajaan Kelantan akan "mampus" kalau tidak mendapat bantuan Kerajaan Pusat. Beliau guna perkataan "mampus" dan "bodoh". Apakah hakikat percakapan ini? Percakapan orang muda ataupun percakapan orang tua? Percakapan orang cerdik ataupun percakapan orang bodoh? Percakapan pemimpin ataupun percakapan samseng? Percakapan orang bermoral ataupun orang bankrap moral? Saya nampak Menteri Kewangan sekarang ini begitu emosi dan hilang panduan dalam melayani perkembangan politik tanah air sejak ia jadi "jaguh perompak negeri Sabah" dalam pilihan raya dulu.

Beliau juga baru-baru ini menuduh PAS berdakwah tidak mengikut Islam. Tuan Yang di-Pertua, biarlah beliau jadi jaguh perompak politik sahaja, jangan sampai hendak jadi jaguh ulama. Masih menuduh orang jumud, hendak tafsirkan semula Al-Quran dan hendak menolak hukum hudud. Ini sudah melampau! Mungkin dengan sifat angkuh inilah menyebabkan ramai anak-anak buah beliau dalam Dewan yang mulia ini meminta supaya orang-orang PAS bertaubat seperti Syeikhul Al-Arqam bertaubat.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, orang-orang PAS tidak perlu disuruh bertaubat kerana orang-orang PAS senantiasa mengaku berdosa dan hari-hari mengajak orang-orang UMNO (Baru)

supaya kembali ke jalan Allah dan melaksanakan hukumnya. Tetapi UMNO (Baru) lah perlu bertaubat habis-habisan kerana 37 tahun memerintah tidak menjalankan hukum Allah dan hari ini pula menolak hukum hudud, mahu tafsir semula Al-Quran, mahu meminda hukum-hukum Islam. Ini dosa yang amat besar Tuan Yang di-Pertua. Bahkan orang menolak hudud adalah murtad (*Disampuk*) wal'iyazubiLlah. Wajib bertaubat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau masa mengizinkan kepada saya, saya boleh bercakap lebih banyak untuk memberi penjelasan kepada sahabat-sahabat saya yang mencabar kedudukan PAS hari ini begitu sekali terbuka. Tetapi oleh kerana masa tidak mengizinkan dan ini sahaja baru peluang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua kepada saya, maka saya harap untuk masa depan kerajaan haruslah bersikap adil dan memberi laluan sepenuh kepada usaha yang boleh membangunkan ummah dan membangunkan insan supaya kita dalam mengejar kemajuan ini, kita tidak terpesona, hanyut dengan pengaruh-pengaruh seperti apa yang berlaku hari ini. Sebab Kerajaan Malaysia hari ini walaupun umur sudah meningkat 37 tahun tetapi kita tidak nampak suatu sasaran ataupun suatu arah yang boleh menjamin bagaimana keselamatan hidup rakyat di masa akan datang.

Sebab itulah hari ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak milik sesuatu kebenaran, kita tidak harus mempertikaikan sesuatu berlakunya keburukan dan pihak kerajaan patut mengaku setiap kesalahan dan patut bertaubat. Bukan tunggu. Terutama sekali Backbenchers yang ada dalam Dewan ini, duduk dalam Dewan semata-mata hendak mempertahankan kerajaan, hendak membela kerajaan, hendak menegakkan kemungkaran yang dibuat oleh kerajaan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Jerai bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Jadi, kalau sekiranya hendak tanya, saya beri peluang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Kalau begitu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Santubong.

4.26 ptg.

**Puan Rohani binti Abd. Karim (Santubong):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk menyokong usul Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada 28 Oktober, 1994. Saya merasa sungguh kagum dan megah kerana negara kita adalah satu-satunya negara yang mengusulkan satu Belanjawan yang tidak menindas mana-mana pihak dan Belanjawan yang begitu prihatin dengan kehendak semua lapisan masyarakat.

Belanjawan sebegini akan menempatkan negara kita di dalam golongan negara maju di dunia ini dan menandakan bahawa kita pesat menuju ke kawasan yang diidamkan dengan rancak dan lancarnya. Lebih-lebih lagi dengan pertumbuhan ekonomi negara adalah pada kadar antara yang tertinggi di dunia iaitu pada kadar 8.5% serta pendapatan per kapita pada RM8,856 dan purchasing power parity pada US8,378 harus dibanggakan.

Oleh kerana sikap kerajaan yang sentiasa prihatin ini, rakyat pula akan sentiasa peka dan responsif terhadap sebarang pembaharuan dan tindakan pembangunan demi masa depan yang gemilang rakyat Malaysia. Keempat-empat objektif utama Belanjawan 1995 iaitu:

- (i) ke arah pertumbuhan yang kukuh dan mampan;
- (ii) kawalan inflasi pada kadar yang terendah;
- (iii) pembangunan sumber daya manusia berketrampilan; dan
- (iv) pembentukan masyarakat progresif dan seimbang,

memang sangat dialu-alukan dan bertepatan dengan arus pembangunan pada masa ini.

Anggaran perbelanjaan yang dicadangkan bagi tahun 1995 berjumlah RM48.798 bilion iaitu sebanyak RM34.395 bilion adalah untuk perbelanjaan mengurus dan RM14.403 bilion adalah untuk perbelanjaan pembangunan. Jumlah ini menunjukkan agihan yang seimbang di antara pengurusan dan pembangunan. Ianya menunjukkan bahawa kerajaan mengambil berat soal kepentingan rakyatnya dan menumpukan sepenuh perhatian terhadap meneguhkan lagi jentera kerajaan yang memberi segala perkhidmatan yang diperlukan oleh rakyat jelata.

Adalah sangat-sangat dialu-alukan kenyataan dalam usul Belanjawan mengenai pembangunan negara yang mengatakan, "bahkan dalam aspek ekonomi sekalipun ia bukan terhad kepada isu pertumbuhan, pembasmian kemiskinan, pengagihan kekayaan dan usaha ke arah pemerataan sosial sewajarnya melengkapi setiap rencana ekonomi".

Dengan kesempatan ini saya bagi mewakili rakyat di kawasan Santubong dan juga bagi kaum wanita ingin merakamkan setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih di atas penurunan beberapa cukai yang akan meringankan banyak bebanan tanggungan rakyat dalam usaha kerajaan untuk mengawal inflasi termasuk keperluan kaum wanita iaitu dengan penurunan banyak item keperluan keluarga seperti mengurangkan kadar cukai pendapatan perseorangan, pengkajian semula rebat dan pelepasan anak tanpa terhad bilangan anak, pengurangan duti import ke atas lebih daripada 2,600 jenis barangan yang meliputi bahan makanan termasuk makanan ternakan, peralatan rumah dan barangan tekstil serta barangan yang digunakan untuk tujuan keagamaan.

Satu perkara penting yang mesti diambil serius adalah untuk negara kita mengawal tekanan inflasi sungguhpun ekonomi negara kita kian meningkat. Oleh sebab yang demikian, adalah sangat dialu-alukan kenyataan dalam Belanjawan yang akan mengambil langkah yang tegas dan utama dalam menangani masalah inflasi. Saya sangat berharap sejajar dengan kenyataan pengawalan ini dalam Ucapan Belanjawan bahawa agensi-agensi tertentu akan mengawal serta memperbaiki struktur pengeluaran, pengurangan kos urusan dan merangsangkan persaingan dan juga menentukan bahawa harga 2,600 barangan akan menjadi lebih murah akibat pengurangan duti import.

Saya amat menyokong program yang digubalkan oleh Kementerian Belia dan Sukan yang telah menggubalkan satu program yang begitu komprehensif dan yang akan menjamin bahawa belia adalah pejuang negara iaitu Program Wawasan Rakan Muda dengan peruntukan yang begitu besar, iaitu RM176 juta. Tetapi di sini, saya ingin menyeru agar Kementerian akan melibatkan Wakil-wakil

Rakyat secara aktif dan langsung dalam melaksanakan program tersebut. Ini akan menjamin bahawa Briged Rakan Muda akan menjadi satu pasukan yang dapat melibatkan secara aktif di dalam segala aktiviti yang dapat dirancang oleh Wakil Rakyat dan masyarakat setempat. Dengan cara demikian, beliau ini akan dilibatkan dalam semua aspek pembangunan dalam kawasan di mana pada masa ini, golongan ini merasakan mereka agak tersisih. Dengan cara demikian dan dengan cara program yang disusun dan dirancang akan terkawal masalah yang kita sering dengar pada masa ini seperti bohsia dan peranan sugar daddy, kelab gay, seks bebas, penyalahgunaan dadah, disko rimba dan bermacam lagi gejala anti-sosial yang berlaku akibat masa yang begitu banyak terluang tanpa tujuan yang tertentu dan yang membawa mudarat.

Saya sangat bersetuju dan menyokong kenyataan dalam Belanjawan yang mengatakan bahawa pembinaan prasarana untuk meningkatkan keselesaan rakyat akan dipertingkatkan dan peruntukan segera untuk maksud penyelenggaraan bagi tahun 1994 dan awal tahun 1995 berjumlah RM2 bilion akan disediakan, termasuk bagi penyelenggaraan bangunan sekolah, hospital, jalan luar bandar, bangunan kerajaan dan bangunan tentera dan polis. Saya ingin menyeru di sini agar perhatian yang serius diberi kepada aspek ini, agar kementerian yang tertentu akan mengambil tindakan yang segera di atas permohonan yang dibuat oleh Wakil Rakyat melalui Pejabat Daerah atau Pejabat Pembangunan Negeri. Perkara ini adalah keperluan yang begitu asas seperti mendapat bekalan air dan elektrik serta pembinaan jalan kampung yang sangat diperlukan.

Oleh yang demikian, saya ingin menyeru agar Program Pembangunan Bekalan Air Luar Bandar di bawah Kementerian Luar Bandar dikaji semula,

iaitu mengikut dasar baru adalah berbentuk 80% pinjaman dan 20% geran. Dengan dasar ini adalah menjadi sangat sukar bagi Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa bekalan air dapat diagihkan kepada penduduk yang sangat-sangat memerlukan. Saya menyeru agar pihak kerajaan dapat memberi pertimbangan agar dasar lama dapat digunakan iaitu secara geran langsung dengan kadar 2/3 pembayaran Persekutuan dan 1/3 pembayaran Negeri sehingga negara kita telah mencapai kadar bekalan air yang tinggi. Bagaimana kita berbangga bahawa kita adalah sebuah negara yang maju dengan pertumbuhan ekonomi yang tinggi tetapi kehendak asas rakyat belum lagi tercapai seperti bekalan air luar bandar.

Saya juga ingin mengesyorkan, khasnya di kawasan saya, agar titian atau jambatan di dalam kawasan kampung digantikan dengan pembinaan jalan kampung. Ini akan mengurangkan perbelanjaan penyelenggaraan yang agak tinggi, lebih-lebih lagi di mana penduduk menggunakan titian tersebut bukan hanya untuk berjalan kaki tetapi juga untuk bermotosikal. Telah didapati juga banyak aduan mengenai bahayanya titian tersebut yang mana licin semasa dan selepas hujan atau musin tengkujuh. Saya juga menyeru di sini agar pembinaan sekolah baru dan kelas tambahan serta penyelenggaraan harus dipercepatkan memandangkan bahawa keadaan sekolah pada masa ini adalah sangat membimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat kagum dan bangga di atas penghargaan dan pengiktirafan yang telah disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan terhadap sumbangan dan peranan wanita dalam negara di dalam ucapan Belanjawan beliau. Saya ingin memetik beberapa saranan yang sangat memberangsangkan pada kami kaum wanita seperti berikut: "Antara susuk yang

menyebabkan Malaysia terserlah di kalangan negara membangun dan negara Islam ialah penyertaan golongan wanita yang tampak dan berkesan dalam hampir semua sektor bahkan dalam perkhidmatan tertentu seperti pendidikan, perubatan, bidang pembuatan dan di luar bandar, negara bergantung kepada golongan wanita. Tetapi namum demikian, kita tidak seharusnya berpuas hati dengan sumbangan dan peranan yang telah dimainkan oleh golongan wanita setakat ini dan kita seharusnya memastikan bahawa usaha diteruskan bagi penyertaan wanita yang lebih berkesan di semua peringkat.

Wanita seiring dalam usaha merintis perubahan dan kemajuan sosio-ekonomi dan politik dan peranan wanita adalah sangat ketara dan penting di masa masyarakat menghadapi pelbagai penyakit sosial, khasnya di dalam mengukuhkan institusi keluarga. Justeru dengan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya kepada pihak kerajaan secara keseluruhannya, bagaimana tentang pelaksanaan Dasar Wanita Negara. Ini adalah satu dasar yang kita rakyat Malaysia harus banggakan.

Saya telah berkesempatan untuk menghadiri beberapa persidangan antarabangsa dan antara Parlimen, khasnya mesyuarat di kalangan Ahli Wanita Parlimen dan berbangga bahawa kita adalah di kalangan beberapa negara yang mempunyai sebuah dasar, khasnya bagi mempertingkatkan lagi peranan dan sumbangan wanita dalam pembangunan. Tetapi malangnya, dasar ini adalah satu-satu dasar yang ramai tidak mengetahui tentang wujudnya. Bukan sahaja jarang dibincangkan oleh pihak lelaki tetapi juga kaum wanita. Apatah lagi tentang pelaksanaannya? Ini sangat menyedihkan kerana ini akan menjejaskan hasrat kita untuk mencungkilkan lagi potensi wanita.

Saya ingin menyeru di sini agar Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat di bawah Bahagian Hal Ehwal Wanita (HAWA) agar pelaksanaan Dasar Wanita Negara akan dijalankan dengan lebih intensif dan lebih komited oleh semua sektor kerajaan dan bukan kerajaan. Ini adalah amat penting memandangkan bahawa tahun depan pada bulan September 1995 akan diadakan Persidangan Wanita Sedunia Keempat di Beijing, China di mana setiap negara akan membentangkan pelaksanaan atau program masing-masing mengenai peranan dan sumbangan wanita. Kita seharusnya berbangga dan berterima kasih kepada kerajaan dan pemimpin ulung negara kita sebab tindakan yang adil dan saksama serta kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi yang merangsangkan, kita golongan wanita telah ditempatkan di tahap yang tinggi dan penting berserta dengan sebuah dasar yang dikhaskan kepada wanita. Saya juga menyeru agar Bahagian HAWA diberi penelitian dari segi memperkuatkan kakitangannya agar mereka dapat menjalankan tugas yang kian bertambah dan meningkat kepentingannya. Mungkin juga kita harus mempertimbangkan semula kedudukan HAWA yang pada mulanya diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang dapat memberi banyak sokongan perkhidmatan dalam melaksanakan peranannya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat diminta gulung.

**Puan Rohani binti Abd. Karim:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta gulung.

**Puan Rohani binti Abd. Karim:** Dan juga tugas NACIWID dan Jawatankuasa Perunding di peringkat negeri.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan agar mempertimbangkan pilihan percukaian di antara suami dan isteri, iaitu dalam sebuah keluarga di mana kedua-dua suami dan isteri bekerja terdapat gaji isteri adalah lebih tinggi daripada suami. Oleh yang demikian, bolehkah isteri membuat pilihan agar ianya digunakan untuk menentukan percukaian dalam keluarga dengan potongan rebat untuk anak-anak dan suami?

**Seorang Ahli:** Mana boleh.

**Puan Rohani binti Abd. Karim:** Ini akan meringankan bebanan bayaran cukai bagi spouse yang mempunyai gaji lebih tinggi. Sebelum habis, saya juga turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan yang sangat prihatin atas keperluan rakyat dan dengan sikap tersebut telah mengumumkan pemberian bonus satu bulan gaji kepada pekerja dengan kadar minimum RM600. Tetapi ada juga persoalan adakah apa-apa ganjaran pula kepada mereka yang telah bersara yang juga telah menyumbangkan kepada pembangunan negara seperti wakil rakyat! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Tebrau.

**Beberapa Ahli:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang lain kena sabar dahulu ya! Masa masih ada sampai jam 8.00 malam.

4.44 ptg.

**Cik Siti Zainabon binti Abu Bakar (Tebrau):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut membahaskan Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Saya turut berasa kagum dan bersyukur ke atas kemajuan dan kejayaan yang dicapai oleh kerajaan dalam menguruskan ekonomi negara, khususnya dalam menangani masalah-masalah yang terbit daripada pertumbuhan ekonomi yang kukuh. Belanjawan menjanjikan pertumbuhan KDNK yang mampan pada tahun 1995, malahan berterusan pula pada tahun-tahun akan datang. Sokongan rapi semua golongan dan semua lapisan masyarakat sudah pasti melonjakkan negara ke arah sebuah negara industri menjelang '2020'.

Dalam kita bangga dengan pencapaian yang diraih setakat ini, kerajaan perlulah terus berwaspada ke atas beberapa cabaran yang dihadapi oleh kita dalam menjayakan matlamat kita untuk menaikkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat kesemuanya. Paling mencabar kepada kerajaan dan rakyat adalah tekanan inflasi kerana faedah pertumbuhan menjadi malap sekiranya inflasi tidak dapat dikawal. Dalam hal ini langkah yang Yang Berhormat Menteri Kewangan menghapus dan mengurangkan duti dan cukai ke atas 2,600 jenis makanan, input kepada barang makanan dan ke atas barangan perantara atau intermediate goods, dengan izin sememangnya langkah yang bijak dan wajar kerana tekanan ke atas indeks harga pengguna timbul terutamanya daripada ikan, sayur, daging dan buah-buahan. Di Bandaraya Johor Bahru misalnya, harga bagi keperluan harian semakin hari semakin meningkat. Justeru itu, menyusahkan golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna patut diberi penghargaan, kerana sentiasa bertindak pantas dalam membendung kegiatan peniaga dan pengusaha yang cuba mengambil kesempatan dengan mengaut untung terutamanya menjelang sesuatu musim perayaan.

Dengan penurunan duti cukai ke atas bermacam barang termasuk kenderaan dapat pula bonus, maka sudah tentu terdapat mereka yang akan mengambil peluang untuk menaikkan harga sewenang-wenangnya. Tetapi tanggungjawab membendung inflasi bukan sahaja bergantung kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, malahan rakyat juga dituntut supaya sentiasa sederhana dalam segala perbelanjaan. Kita sama-sama bertanggungjawab membantu ke arah mencapai tahap inflasi yang rendah.

Seterusnya kewujudan monopoli dan oligopoli patut dikaji semula supaya kepincangan sistem pengedaran dan pemasaran diperbetul. Dalam hal ini, lebih banyak kebenaran dan kelulusan import termasuk untuk pemborong dan peruncit supaya lebih banyak pembekal yang terdapat di pasaran. Cara ini dianggap paling berkesan untuk mendapat persaingan yang lebih sihat. Oleh itu, kerajaan digesa supaya segera mungkin membentangkan Akta Persaingan atau Competition Act, dengan izin ke Parlimen, kerana langkah ini juga membantu ke arah mengawal tekanan harga. Selain itu, di mana perkhidmatan sesebuah monopoli atau oligopoli itu dikawal selia oleh kerajaan, pengawasan yang lebih rapi hendaklah dibuat ke atas kos yang dikenakan ke atas perkhidmatan supaya cost of doing business, dengan izin, di negara ini tidak meningkat yang mana akan menjejaskan daya tanding negara di rantau ini.

Negara kita juga menghadapi tekanan pekerja mahir dan guna tenaga dalam bidang ikhtisas dan profesional. Peruntukan yang diberi oleh kerajaan untuk tujuan pendidikan dan latihan termasuk kepada institusi pengajian tinggi perlulah diguna dengan sebaiknya untuk meningkatkan lagi keupayaan tenaga manusia di

negara ini. Yang pentingnya institusi pengajian tinggi sama ada kolej mahupun universiti perlulah menyediakan kursus yang relevan kepada kehendak dan keperluan negara.

Bersangkutan dengan keperluan negara untuk tenaga terlatih, saya berharap Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat menambah bidang-bidang yang diberi pelepasan cukai untuk melanjutkan pelajaran kepada bidang-bidang perakaunan, pengauditan dan actuary. Saya yakin bahawa kepakaran dalam bidang-bidang ini diperlukan oleh negara terutama dalam hasrat kerajaan untuk memajukan Labuan sebagai Pusat Kewangan Pesisir dan Kuala Lumpur sebagai Pusat Kewangan Serantau.

Program Bertindak Bersepadu yang dilancarkan melalui Belanjawan ini merupakan satu langkah yang wajar ke arah mencapai objektif tenaga kerja yang terlatih, khususnya sektor swasta digesa supaya mendokong dengan sepenuhnya program kerajaan kerana sektor swasta mempunyai tanggungjawab melantik anak watan supaya memajukan kemahiran dan kepakaran, tambahan pula sekarang ini Menteri Kewangan telah menyediakan insentif-insentif cukai yang sungguh memberangsangkan. Anak-anak muda kita pula patut tekad dan azam untuk melengkap diri dengan berbagai macam kepakaran supaya dapat menyumbang kepada proses industrialisasi negara di samping mendapat upahan yang lebih baik di peringkat individu.

Usaha kerajaan untuk memperkembangkan Industri Kecil dan Sederhana atau IKS merupakan satu tindakan yang sudah lama patut diberi fokus yang lebih. Ini adalah kerana untuk memajukan negara ke arah negara industri, kita perlu mewujudkan pertalian-pertalian antara industri besar dengan yang kecil dan sederhana. Malahan IKS bukan sahaja

boleh berperanan sebagai industri sokongan dan pelengkap, malahan jika dicontohi dari beberapa negara termasuk Taiwan, Korea dan Jepun IKS boleh menjadi industri pengeksporth yang penting. Dengan yang demikian, tumpuan yang diberi oleh kerajaan kepada IKS terutama dari segi bantuan kewangan dan pemasaran sangat diharapkan dapat mengukuhkan lagi kedudukan pengusaha kecil dan sederhana, berkaitan juga dengan proses perindustrian adalah usaha untuk memantapkan lagi BCIC.

Kita sekarang ini telah dapat membangunkan beberapa syarikat gergasi bumiputera dan adalah menjadi harapan bagi kita supaya syarikat-syarikat ini pula meneruskan perjuangan bangsa dengan membangunkan syarikat-syarikat bumiputera yang lain. Ini merupakan tanggungjawab dan tidak harus dibuat secara 'lepas batuk di tangga'. Syarikat-syarikat bumiputera yang hendak mula bertapak jangan dianggap sebagai persaingan ataupun dianggap sepi kebolehan mereka. Peluang yang konkrit hendaklah diberikan tanpa menanti jolokan dan pujukan kerajaan dan agensi-agensinya. Syarikat-syarikat bukan milikan bumiputera yang besar-besar, dan sudah bertaraf antarabangsa juga patut memainkan peranan mereka dalam usaha kerajaan untuk memperluaskan peluang perdagangan kepada semua golongan peniaga, dan dengan itu mencapai hasrat membangunkan masyarakat yang seimbang.

Diperhatikan dalam Belanjawan ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan memberi pujian dan sanjungan kepada wanita dan peranan kaum saya dalam pembangunan negara. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada kata-kata manis Yang Berhormat itu, tetapi Yang Berhormat mana dia insentif dan potongan cukainya?

Sehubungan dengan ini saya ingin kaitkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh di mana kekurangan penawaran boleh dikendurkan sedikit, sekiranya lebih ramai wanita yang telah berumah tangga dan berkeluarga didorong untuk bekerja sekiranya pusat asuhan atau pusat didikan kanak-kanak disediakan oleh majikan, swasta atau kerajaan.

Saya sukalah menyarankan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya menawarkan galakan atau potongan cukai tambahan kepada majikan-majikan yang bersedia mengadakan 'nursery or child care centre', dengan izin.

Selanjutnya, seperti kita semua sedia maklum, ramai daripada golongan jururawat terdiri dari kaum wanita. Mereka ini boleh dikatakan sebagai memegang tugas 'high risk', dengan izin, terutama jururawat yang bertugas dengan pesakit AIDS, barah dan seumpamanya. Saya berharap, Kerajaan menimbangkan supaya di mana boleh atau bersesuaian sesetengah daripada tugas ini diautomasikan. Ini bertujuan juga supaya jururawat bekerja untuk melayani pesakit-pesakit daripada membuat kerja-kerja manual dan juga elaun-elaun yang lebih diberi kepada mereka yang beradu nasib dengan kemungkinan kejangkitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Jerai.

*4.50 ptg.*

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin (Jerai):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan negara yang saya kira mengira keprihatinan rakyat yang berpendapatan rendah. Malah Belanjawan ini bukan sahaja menguntungkan peniaga-

peniaga tetapi juga memberi manfaat yang begitu bererti bagi penduduk-penduduk di luar bandar. Yang pentingnya pada hari ini ialah, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri perlu menjalankan tindakan segera memastikan barang-barang yang telah dilepaskan daripada cukai dapat diturunkan harganya supaya masyarakat yang berpendapatan rendah dan sederhana dapat menikmati hasil pelupusan cukai terhadap barang-barang yang telah diumumkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kita bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana kerajaan telah dapat mengadakan Belanjawan yang seimbang. Dengan ini ternyata bahawa tohmahan daripada pihak Pembangkang yang menyatakan Belanjawan kali ini adalah Belanjawan politik ataupun Belanjawan pilihan raya adalah tidak tepat, adalah semata-mata fitnah dan ingin mencari publisiti yang murah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Tenaga Nasional Bhd. yang telah dapat mengurangkan harga bekalan elektrik pada hari ini. Dengan kewujudan sistem IPP maka pada hari ini negara mempunyai lebih tenaga kuasa, akan tetapi saya berharap Tenaga Nasional Bhd. akan dapat mempertingkatkan lagi saluran tenaga kepada kawasan-kawasan luar bandar dan pastikan bahawa setiap pelosok di mana sahaja ada manusia di tanah air kita ini, mereka akan dapat menikmati hasil tenaga ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dukacita dimaklumkan bahawa . . . .

**Tuan Yim Chee Chong:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Saya tak ada masa? Okay! okay!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli Yang Berhormat Seremban hendak minta jalan atau apa?

**Tuan Yim Chee Chong:** Saya hendak minta jalan. Minta dibenarkan. Terima kasih. Tentang Belanjawan ini, sama ada ianya Belanjawan election atau apakah? Pada hemat saya ini adalah Belanjawan rakyat untuk rakyat. Bersetuju atau tidak?

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Yang Berhormat Seremban ini hendak daftar nama nampaknya! (*Ketawa*)

Memang tepat. Pandangan Yang Berhormat dari Seremban tepat — Belanjawan rakyat untuk rakyat, Belanjawan kerajaan yang diamanahkan oleh rakyat untuk rakyat. Inilah hasrat Kerajaan Barisan Nasional iaitu kerajaan yang mempertimbangkan dan prihatin terhadap kehendak-kehendak rakyat dan bukannya mempunyai pemimpin yang pergi ke luar negara mengkhianati negara dan tanah airnya sendiri. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Tenaga Nasional akan memastikan bahawa bekalan tenaga untuk kawasan-kawasan luar bandar jangan selalu terputus-putus. Berkali-kali telah saya perkatakan dalam Dewan ini tetapi Menteri kata “tadak” masalah, “tadak” masalah tetapi selalu ada masalah! Jadi, Menteri pun ada masalah kot? (*Ketawa*)  
Minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pembekalan elektrik di luar bandar dipertingkatkan kerana sekarang ini kita mempunyai bekalan yang berlebihan, malah negara mampu menjual tenaga elektrik kepada negara-negara jiran. Jadi, tidak ada sebab mengapa Tenaga Nasional gagal untuk memberikan perkhidmatan yang sebaik-baiknya bagi kawasan-kawasan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berasa bangga dengan pembinaan prasarana untuk keselesaan hidup rakyat seperti KLIA, LRT dan lain-lain. Akan tetapi kerajaan perlu juga mempertingkatkan

lagi pembangunan prasarana untuk kawasan-kawasan luar bandar yang saya kira pada masa ini masih memerlukan banyak lagi bantuan daripada kerajaan terutama sekali bantuan-bantuan asas seperti jalan-jalan kampung, keperluan air dan juga tenaga. Begitu juga keperluan telekom untuk kawasan-kawasan di luar bandar. Saya berharap Jabatan Telekom ataupun Telekom Malaysia akan dapat memperseimbangkan bayaran kadar sewa telekom bagi kawasan bandar dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana prihatin kepada rakyat yang berpendapatan rendah, tidak seperti parti-parti Pembangkang, iaitu dengan menambahkan peruntukan kepada rumah kos rendah. Akan tetapi saya berharap bahawa kerajaan akan dapat memberi keselesaan, akan dapat mengeluarkan satu pelan rumah yang sesuai untuk orang hendak duduk. Hari ini kadang-kadang kita dapati rumah kos rendah ini tidak begitu selesa. Sudahlah tidak selesa, tidak pula ada kawasan rekreasi untuk penduduk-penduduk kawasan berkenaan. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya Kerajaan dapat mengadakan standard plan kepada keseluruhan pembinaan rumah kos rendah dan saya tekankan di sini kalau boleh dimestikan diadakan tiga bilik rumah kos rendah ini. Jangan dua bilik macam sekarang — celaru! Juga kita adakan kawasan permainan, surau serta dewan untuk setiap kawasan rumah kos rendah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan yang akan sentiasa memberi bantuan kepada rakyat yang miskin. Bantuan kerajaan pada hari ini melalui ASN, ASB, saham-saham dan sebagainya adalah begitu bererti bagi orang-orang yang berpendapatan rendah. Malah rakyat termiskin hari-hari mendoakan supaya

kerajaan Barisan Nasional ini akan terus memerintah kerana mereka akan mendapat nikmat. Mereka sudah tengok kelakuan parti-parti Pembangkang, terutama sekali PAS kalau menang — bencana alam. Bukan setakat bencana sahaja tetapi bencana alam dan bencana demi bencana akan berlaku. Apatah lagi kalau mereka berpakat dengan DAP lagi celaru, termasuk 46, haru-biru negara kita jadinya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga menyokong cadangan kerajaan, iaitu mengadakan sistem privatisation, penswastaan. Penswastaan ini sebenarnya menguntungkan orang Melayu. Yang ini pihak PAS kena faham. Dahulu mana boleh cari jutawan Melayu! Hari ini berapa orang jutawan Melayu? Ramai jutawan Melayu! Tak faham lagikah? 46 tak erti lagikah? Hendak berapa lagi jutawan Melayu hari ini? Ini adalah hasil daripada Dasar Ekonomi Baru dan sistem penswastaan. Cuma, hari ini, saya tak nafikan ialah kadang-kadang apabila orang-orang ini berjaya dan maju, mereka ini lupa untuk menolong dan menaikkan rakan-rakan mereka bersama. Mereka tidak mengamalkan 'konsep payung' yang diharap-harapkan oleh kerajaan pada hari ini.

Oleh yang demikian, saya mengharap dan mengesyorkan kepada kerajaan supaya mengadakan satu peraturan apabila kita hendak menswastakan sesuatu projek kepada syarikat-syarikat tertentu, kepada orang-orang tertentu supaya mereka mengikut satu 'guideline' ataupun satu peraturan iaitu penswastaan ini dengan mengamalkan konsep payung, iaitu jangan makan seorang, bagi kepada kawan-kawan sama, agih-agihkan kekayaan ini dengan memberi konsep payung. Ini kita hendak. Orang PAS dan Semangat 46 cemburu. Mereka berniaga tidak erti, asyik mengata orang di kampung. Macam mana orang hendak bagi swasta! Swasta pondok pun bankrup, tambah lagi hendak swastakan benda-benda besar!

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya ingin tekankan di sini ialah tentang pendidikan. Saya amat berharap Kementerian Pendidikan prihatin tentang keperluan di sekolah-sekolah luar bandar. Sekolah luar bandar hari ini sungguhpun kadang-kadang anak-anak itu anak orang susah, orang kampung tetapi mereka dapat keputusan peperiksaan yang sungguh baik dan cemerlang. Saya mencadangkan setiap anak desa yang dapat keputusan cemerlang 4A mereka ini otomatis diambil masuk ke sekolah berasrama. Jangan lagi hendak tunggu memohon, hendak tunggu sokongan itu dan ini. Anak-anak di dalam bandar makan vitamin cukup. Macam-macam vitamin mereka makan. Dengan kemudahan yang bermacam-macam di sekolah-sekolah bandar, tetapi yang di luar bandar tiada kemudahan-kemudahan, sungguhpun ada tetapi tidak mencukupi.

Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan kena faham, beri peruntukan yang baik untuk sekolah-sekolah di luar bandar. Kalau di bandar ada komputer, fasal apa di luar bandar tiada komputer? Samakan. Kalau di bandar ada sekolah-sekolah yang baik-baik, guru-guru yang baik, fasal apa di luar bandar kita tidak adakan guru-guru yang baik? Benda-benda ini kena dipertingkatkan kerana kita hendakkan rakyat Malaysia ini menuju Wawasan 2020, hendakkan rakyat yang berdisiplin, rakyat yang taat kepada tanah air, rakyat yang tidak ke luar negara mengkhianati negaranya. Ini yang kita mahu, kita mahu didik daripada hari ini supaya rakyat ini taat dan erti mengenang budi kepada kerajaan yang memerintah pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu, berkenaan dengan JPA. JPA pun satu lagi, cukup lembab buat kerja. Banyak sangat masalah-masalah Kementerian-kementerian ini, seperti di Kementerian Kesihatan, dia salahkan JPA — JPA tidak

buat itu, ini dan sebagainya. Apa masalahnya? Kita kena perbetulkan. Bukan saya hendak kata, pegawai tadbir ini memang bagus, pegawai MCS memang bagus, tetapi janganlah kira hendak penaik pegawai MCS sahaja, yang lain tidak, itu tidak boleh. Yang lain tidak dapat, ketinggalan dan sebagainya. Sesetengah kementerian itu pegawai MCS tidak sepatutnya duduk di situ, pegawai dalaman boleh duduk di situ sebagai ketua di sana sekarang, tetapi kita bubuh juga — jadi dia tidak memahami keadaan sebenarnya. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya JPA ini cuba pertingkatkan lagi prestasi kerja mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, biasiswa untuk anak-anak kita di luar negeri. Saya pergi melawat di dua, tiga buah negeri — bukan macam orang PAS tidak pergi ke luar negeri, macam katak bawah tempurung tetapi dok mengatakan kerajaan. Saya pergi ke luar negeri melawat students — mereka memberitahu kita masalah inilah. Saya difahamkan lebih kurang 150 juta lagi biasiswa yang tidak dapat dikeluarkan. Fasal apa lambat keluarkan? Itulah, tolong check sedikit, saya pun dapat rungutan. Students kita di luar negara kadang-kadang dia merayu, duit sampai lambat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya harap JPA perbetulkan sedikit. Kadang-kadang saya tanya kepada Kementerian Kesihatan — suara saya parau, tiga ceramah dok hentam Mohamad Sabu, pergi ke Perak merata.

Tuan Yang di-Pertua, banyak Kementerian-kementerian, kadang-kadang bila kita tanya apakah masalah-masalah misalnya service lambat, itu dan ini, dia menyatakan pegawai tidak cukup. Saya kata, fasal apa tidak ambil pegawai? Hendak buat macam mana, itu tugas JPA, JPA yang ambil lambat, jadi saya minta peraturan-peraturan ini kita buatlah,

janganlah terlampau ketat sangat, bila terlampau ketat, ini akan melibatkan kelewatan di dalam kita memberi perkhidmatan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini ramai doktor-doktor berhenti, selepas dia bayar pinjaman biasiswa dia berhenti. Saya tanya fasal apa berhenti? Tidak berhenti macam mana? Dia kata “kerja takdan dok di rumah” — minta elaun itu tidak boleh, elaun ini tidak boleh, jadi, dia orang pun give-uplah. Jadi, mereka kata Pegawai MCS — pukul 8.00 masuk pukul 4.00 keluar, gaji besar kepada depa, elaun ini boleh, elaun itu boleh. Depa itu dok belah orang — orang hendak mati hendak beri hidup, dan sebagainya, kaki patah dok sambung balik, tetapi tidak dapat benda-benda yang baik-baik. Jadi, timbang rasalah sedikit — saya minta kepada JPA.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, saya hendak terangkan sedikit. Sebenarnya parti yang mencemarkan dan menjerebukan Islam ialah parti PAS. Baru-baru ini Yang Berhormat Nilam Puri datang ke kawasan saya, dan berceramah. Sedang mereka berceramah, ular tedung selar dan ular kapak keluar dua ekor. Depa kata Wakil Rakyat Barisan Nasional lepaskan ular dua ekor — di sini saya hendak nafikan. Sebenarnya, bila Yang Berhormat Mohamad Sabu bersyarah, bukan setakat manusia yang marah, ular pun marah — keluar untuk mencari dia — ini saya hendak beri penerangan. Celaru tidak celarunya Mohamad Sabu. (*Disampuk*) Nilam Puri.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Nilam Puri. Jadi, saya berharap pemimpin-pemimpin PAS beritahulah kepada anak-anak buah supaya jangan bercelaru, jangan mencemarkan syiar Islam yang begitu baik. Kita patut mempertingkatkan. Semangat 46, bila kita hendak serang dia — dia keluar.

Tuan Yang di-Pertua, tidak habis lagi, nanti sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** . . . . jadi, Semangat 46, saya menganggapkan . . . . . takdan habis, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya gulung. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, tadi pihak PAS — Pak Nik menyatakan bahawa mereka minta orang-orang Barisan Nasional, terutama sekali UMNO supaya bertaubat. Sebenarnya, PAS kena taubat kerana mereka adalah orang yang mengkafirkan orang-orang UMNO. Orang yang mengkafirkan orang-orang seperti saya ini. Saya ini orang Islam, dia boleh kafirkan kita. Kadangkadangkang kita hulur tangan sesama Islam pun tidak terima salam. Apa punya perangai! Inikah adat dan inikah pengajaran Islam? Adakah Islam suruh kita mengamalkan sikap macam ini? Jadi, hari ini kalau PAS mengatakan Barisan Nasional tidak mematuhi, tidak menuju kehendak syiar Islam, PASlah yang menyebabkan Islam menjadi jerebu pada hari ini, PASlah yang menyebabkan syiar Islam terkabur di Malaysia pada hari ini. Mereka pergi ke luar negara, mereka hentam kerajaan, balik ke sini cukup bulan dapat elaun Wakil Rakyat lagi, pergi luar negeri dok hentam lagi — inikah kerja mereka? Inilah orang-orang yang dikatakan orang-orang munafik dalam Islam. Kita letakkan mereka ini sebagai orang-orang yang munafik.

Yang Berhormat Mohamad Sabu ini saya minta (Nilam Puri) kalau boleh pucuk pimpinan PAS ajar dia supaya tertib sedikit. Semalam dalam kawasan saya, bila kita berceramah di kawasan kubu PAS, tiga, empat biji kereta kami

kena cakar. Ini dia perangai orang PAS — punyai kurang ajar. Sedangkan mereka bersyarah dalam kawasan saya, saya tidak usik, datanglah bersyarah. Ini kereta kita habis ditoreh. Adakah ini cara ajaran Islam, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa sudah lambat, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** Cukup dah? Jadi . . .

**Beberapa Ahli: (Bangun)**

**Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din:** . . . saya belum duduk lagi, Tuan Yang di-Pertua, dan saya hendak ucapkan terima kasih — saya belum duduk lagi. Oleh yang demikian, saya menyokong Belanjawan negara ini dan saya berharap kerajaan akan meneruskan perjuangan ini untuk menolong rakyat Malaysia yang telah memberi amanah kepada kerajaan pada hari ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Pagoh.

*5.06 ptg.*

**Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh):** Tuan Yang di-Pertua, kebaikan dan kejayaan Belanjawan 1995 terletak kepada kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan mengimbangkan belanjawan. Saya yakin kerangka Belanjawan ini akan dapat memenuhi empat objektif utama yang telah digariskan, di samping itu memastikan kecairan yang optimum di dalam pengurusan kewangan kerajaan.

Seluruh rakyat menyambut baik belanjawan ini kerana perencanaan dan perancangan yang tegas dan jelas, usaha ke arah pembasmian kemiskinan, pengagihan kekayaan dan pemerataan sosial. Seluruh rakyat bersyukur kerana me-

nikmati kemewahan dan kesejahteraan hidup yang berterusan hasil dari pertumbuhan ekonomi yang terus menerus meningkat dan dapat bertahan sejak 7 tahun lepas.

Kita juga boleh menaruh keyakinan dengan cara pengurusan kewangan yang semakin cekap. Masa depan ekonomi negara akan terus mantap dan terjamin. Keyakinan ini tambah dikuatkan lagi oleh laporan Bank Dunia, iaitu laporan Tahun 1994 yang bertajuk *Global Economic Prospect and the Developing Country* yang menyatakan, walaupun terdapat persaingan yang sengit, Malaysia mampu mempertahankan pertumbuhan ekonominya berdasarkan kepada pertumbuhan sektor pembuatan yang terus meningkat dan berbagai hasil komoditi yang menjadi sumber eksport negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Pembangkang tidak boleh menafikan bahawa mereka juga menikmati kesejahteraan hidup dan kesenangan hidup di dalam negara ini. Belanjawan 1995 membawa faedah kepada seluruh lapisan masyarakat. Berdasarkan rangka Belanjawan yang berhemat ini, Ahli-ahli Pembangkang kekeringan isu dan modal, lantaran itu sesetengahnya sanggup menggunakan taktik kotor, menabur fitnah yang ditujukan kepada pemimpin tertentu untuk dicemari nama baik mereka dan membunuh karier mereka sekali. Ada juga kalangan rakyat negara ini yang mengaku menjadi pemimpin, yang terlalu kecewa dan memilih cara tindakan yang emosional dan terlalu tidak rasional dengan menggunakan platform, dengan izin, hatta di luar negara untuk meluahkan perasaan geramnya yang menjejaskan imej negara sendiri.

Cara ini saya anggap sebagai usaha yang merugikan dan tidak menguntungkan sesiapa. Tindakan ini seolah-olah seperti kata peribahasa Melayu “tepek air di dulang, percik muka sendiri” dan “membuka pekung di dada”.

Tindakan mengaibkan ini tidak sepatutnya dilakukan oleh mana-mana pihak yang mengaku negara ini tanah tumpah darahnya. Kalau benar teguran ini jujur dan ikhlas, forum yang terbaik ialah di sini iaitu di negara sendiri atau di Parlimen. Kalau ada fakta-fakta yang sahih mengapa tidak dinyatakan di dalam apa juga bentuk forum, perbahasan supaya boleh dituntut penjelasan dan jawapan yang diperlukan. Dengan mengambil jalan mengkritik negara dari luar, saya anggap samalah dengan perbuatan subahat dan mengkhianati rakyat dan negara dan perbuatan seperti ini sekali-kali tidak selaras bahkan bertentangan dengan aspirasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa rangka Belanjawan 1995 adalah selaras dengan falsafah pembangunan negara. Namun, sejauh mana ia akan mampu menyempurnakan agenda pengagihan mengangkat mutu hidup rakyat di dusun, desa dan bandar, meningkatkan kesedaran ilmu dan membina ketrampilan teknologi, menyemarakkan apresiasi seni dan budaya dan penyemaian nilai luhur berdasarkan fahaman agama dan moral adalah bergantung sepenuhnya kepada iltizam dan pelaksanaan yang akan dijalankan. Pelaksanaan yang tidak terlalu banyak karenah birokrasi, berjadual dan mengikut jadual, tidak menyeleweng daripada dasar, ada penyertaan rakyat sepenuhnya dengan tidak berasa terlalu complacent, dengan izin, sudah pasti akan mencapai kejayaan dan tercapai matlamat.

Keutamaan kerajaan dalam pendidikan adalah untuk memberi peluang pendidikan yang seluas-luasnya kepada semua rakyat dan secara langsung mengimbangkan peluang pendidikan antara luar bandar dengan bandar. Memandangkan pendidikan dan latihan ialah asas mobiliti sosial, maka penekanan kepada dasar sama rata dalam pendidikan boleh merapatkan jurang perbezaan antara

golongan miskin dan kaya dan rata-rata yang miskin adalah mereka di luar bandar. Peningkatan kualiti pendidikan di semua dan dalam pelbagai bidang yang merentasi bandar dan luar bandar adalah manifestasi kejayaan dalam bidang pendidikan. Namun, walaupun falsafah dan dasarnya baik dan memuaskan, pelaksanaannya masih banyak yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian Pendidikan. Saya bimbang jika tindakan tertentu tidak diambil dengan segera, matlamat asalnya akan terjejas dan ramailah anak-anak bangsa yang akan menjadi mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya meminta Kementerian Pendidikan mengkaji semula dasar perlantikan dan penempatan guru-guru besar khususnya di sekolah-sekolah rendah di luar bandar yang sedang dijalankan sekarang. Dalam proses yang dijalankan ini, masih terdapat banyak sekolah-sekolah rendah yang terlalu lambat menerima perlantikan dan penempatan guru besar. Rungutan ibu bapa menjelaskan bahawa akibat dari kelambatan ini, pentadbiran sekolah terjejas hingga beberapa waktu. Ada yang terjejas hingga terpaksa menunggu hingga satu tahun. Bila pentadbiran terjejas, prestasi sekolah keseluruhannya juga turut akan terlibat. Kerap kali juga berlaku penempatan guru besar di sekolah kebangsaan luar bandar hanya untuk satu waktu yang singkat, menunggu untuk dipindahkan ke sekolah lain yang lebih hampir ke bandar. Untuk rujukan, lihatlah sekolah-sekolah yang saya pernah lihat sendiri khususnya di kawasan Parlimen Pagoh.

Guru-guru mahir dalam bidang matematik, sains dan bahasa Inggeris juga masih kekurangan khususnya di sekolah kebangsaan di luar bandar. Saya amat bimbang dengan keadaan yang pincang ini kerana jika asas penguasaan dalam subjek-subjek penting ini tidak dapat

dimulakan maka kesannya ialah apabila murid-murid sampai di sekolah menengah, mereka tidak dapat mengikuti dan menguasai pelajaran sebagaimana murid yang lain. Akibatnya, walaupun mereka mempunyai cita-cita tinggi, tetapi kelulusan yang terlalu lemah dalam mata pelajaran matematik, bahasa Inggeris, sains bahkan Bahasa Malaysia menyebabkan mereka ketinggalan. Fenomena ini adalah serius dan kalau tidak diberi perhatian segera, boleh menjejaskan wawasan negara dalam mencapai status negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi kekurangan guru-guru terlatih di sekolah-sekolah mahupun di sekolah rendah ataupun di sekolah menengah, saya mencadangkan supaya latihan guru ini juga dijalankan secara swasta dengan mengikut dasar dan sistem yang dikawal oleh kerajaan. Dengan cara ini saya yakin bidang perguruan akan menjadi lebih profesional dan mencukupi bagi memenuhi keperluan masa depan pendidikan negara.

Seterusnya di peringkat universiti juga kerajaan perlulah tidak melengahkan tindakan untuk mengkaji dan menetapkan satu sistem pengajian yang lebih tinggi kepada pensyarah-pensyarah selaras dengan kelulusan, kepakaran dan pengalaman yang mereka miliki supaya tenaga mereka tidak mengalir keluar kerana demand, dengan izin, yang lebih baik. Saya bimbang kalau tindakan kerajaan terlewat, universiti akan rugi dan akibatnya mahasiswa universiti juga terjejas dari segi prestasi.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi penglibatan bumiputera dalam bidang industri, saya ingin bertanya kepada kerajaan kenapakah peruntukan Bank Negara sebanyak RM300 juta bagi tabung untuk makanan mendapat sambutan dingin daripada pengusaha industri

pertanian dan makanan bumiputera. Sejak Januari 1993 hingga kini, hanya 7 dari 86 orang yang menerima pinjaman melalui Tabung Makanan adalah pengusaha industri pertanian dan makanan bumiputera.

Saya mencadangkan supaya Bank Negara mengkaji semula syarat pinjaman yang dianggap terlalu ketat. Bank Perdagangan juga tidak boleh melepaskan tanggungjawab untuk membantu bumiputera terlibat dalam industri pertanian dan makanan. Selain dari itu, kadar faedah pinjaman dari Tabung Makanan patutlah tidak terlalu tinggi jika dibandingkan dengan kadar faedah pinjaman dengan Tabung Usahawan Baru (TUB) di mana secara perbandingan pada hari ini kadar faedah TUB ialah 5% setahun sementara kadar faedah Tabung Makanan ialah 7.75% setahun. Adalah wajar kerajaan menyelaraskan kadar ini supaya kadar faedah Tabung Makanan turun dan menggalakkan lebih ramai bumiputera terlibat kerana kurangnya tekanan dan bebanan faedah yang perlu ditanggung oleh usahawan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyeru supaya usaha yang lebih dilakukan untuk melibatkan bumiputera menyertai Program Pembangunan Usahawan menerusi skim vendor ataupun Program Pembangunan Vendor supaya lebih ramai usahawan bumiputera menyertai sektor ekonomi lebih strategik. Peluang yang lebih haruslah diberi oleh syarikat-syarikat induk disertai dengan insentif dan galakan yang harus ditambah supaya penyertaan Program Pembangunan Vendor oleh bumiputera tidak hanya tertumpu di dalam bidang pengeluaran komponen plastik dan yang berasaskan kayu-kayan sahaja. Kita mahu lebih ramai usahawan bumiputera diberi peluang terlibat dalam pengeluaran komponen yang bernilai tinggi seperti automatik, elektrik, elektronik, jentera, kejuruteraan dan juga tekstil.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua perlukan kehidupan yang berkualiti dengan alam sekitar yang bersih. Malangnya udara kita sudah tercemar dan sungai-sungai yang menjadi sumber air bersih juga sudah tercemar kerana pembangunan yang tidak dikawal rapi, sungai-sungai besar di negara ini sudah banyak tercemar ke paras paling buruk. Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan mengenai udara berjerebu yang sudah menjadi fenomena yang tidak dapat dielakkan sejak 3 tahun kebelakangan ini. Begitu juga dengan sungai-sungai yang airnya sudah tidak selamat untuk digunakan bahkan banyak hidupan air sungai yang menjadi sumber hidup penduduk luar bandar juga telah makin pupus.

Saya menyeru kepada perancangan, tindakan dan penguatkuasaan yang berkesan yang selama ini belum dapat dilaksanakan secara bersepadu dan saya menyeru kepada tindakan bersepadu antara Kementerian-kementerian yang terlibat termasuk Kementerian Pertanian, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan juga kementerian-kementerian lain yang terlibat sama.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyatakan bahawa Belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada kali ini bukanlah merupakan Belanjawan Pilihanraya. Belanjawan ini adalah Belanjawan negara yang ingin memberikan apa yang terbaik kepada rakyat yang telah memberi mandat kepada kerajaan selama ini. Kerajaan yang penuh bertanggungjawab untuk memberi kemakmuran kepada rakyat, bukan membiarkan rakyat miskin terus-menerus seperti yang berlaku di bawah kerajaan yang memimpin negeri Kelantan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lanang.

5.22 ptg.

**Tuan Wong Sing Nang (Lanang):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1995. Di sini saya ingin membentangkan dua isu yang utama.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama yang saya ingin membentangkan ialah hospital awam amat kekurangan pakar walaupun perkhidmatan yang lebih baik telah diminta berulang-ulang kali. Tahun lepas, di mana kedua-dua anak dan ibu telah meninggal semasa dan selepas melahirkan anak.

Tuan Yang di-Pertua, kes pertama yang telah berlaku pada Mei 1993 di mana ibu bernama Madam Pau Siew Mui yang bersalin telah meninggal dunia kerana toksin keterlaluan yang telah menyebar ke usus ibu itu kerana kecuaiannya doktor. Saya memetik Laporan Perubatan bertarikh 10 Ogos 1993.

“He ordered an emergency ceasarean section for this patient on the 8th day of May 1993 at 12.45 p.m. and a baby boy was delivered by breech presentation. Nothing unusual was noticed during the ceasarean section. In the next four days after this ceasarean, patient developed high fever and her abdomen becomes more and more distended. On the 12th day of May 1993, Dr. Venkatesh carried out another operation on this patient. He found a perforation about the size of twenty cent coin in her ileum. He closed this perforation. After the operation, the patient was transferred to the Intensive Care Unit”.

Tuan Yang di-Pertua, Puan Pau had undergone a third operation on the 22nd day of May 1993 by Dr. Venkatesh”. I quote:

“As more perforations were found near to the previous perforation on the ileum which was repaired earlier, this perforation was closed. However, her condition continued to deteriorate”.

Tuan Yang di-Pertua, pada 6 Jun 1993, Madam Patu meninggal dunia di Norma Specialist Medical Centre. Dalam Laporan Perubatan pakar, saya memetik, I quote:

“The diagnosis in this patient while she was in Lau King Howe Hospital were as follows:

- (i) Acute renal failures;
- (ii) disseminate intra-vascular coagulation disorder;
- (iii) upper gastro-intestinal haemorrhage; dan
- (iv) the concentration of toxic level in her stomach. Acute respiratory distress syndrome.

Tuan Yang di-Pertua, kes kedua berlaku pada Julai 1993 di mana anak perempuan Puan Chai Lee Ngor, beratnya 2.5 kilogram mati lemas kerana kelambatan pembedahan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Laporan Perubatan pesakit ini bertarikh 25 Januari 1994, saya memetik:

“At 11.25 p.m. a caesarean section operation was carried out by Dr. John Tang assisted by Dr. Abdul Jamil. During the operation, it was noted that there were much adhesions between the urinary bladder and the lower part of the uterus. At 11.30 p.m., a fresh still-birth a baby girl, weighing 2.5 kilogram was delivered. After delivering the baby and the placenta, it was noticed that there was a tear in the wall of the urinary bladder. Dr. Usha was called and she came. Dr. Lim, a general surgeon, was also called and he came and repaired the tear in the wall of the urinary bladder”.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian-kejadian begini sangat menyakitkan hati. Rakyat ingin tahu, adakah doktor-doktor tersebut layak membedah? Apakah langkah yang diambil bagi mengatasi masalah itu?

Tuan Yang di-Pertua, kes ketiga adalah kes Puan Pang Mei Fah yang berumur 27 tahun. Dia dihantar ke rumah sakit pada 2 Julai 1994 pada pukul 6.00 pagi. Dia dihantar ke bilik bersalin pada pukul 3.00 petang. Pada permulaan, anaknya berada dalam keadaan yang normal, tetapi kelambatan mengakibatkan beliau didapati tidak normal. Suami Puan Pang Mei Fah diberitahu oleh jururawat, tidak cukup doktor dan diminta tunggu dioperation pada pukul 6.30 petang, tetapi sudah lewat. Anaknya didapati terminum terlalu banyak “muconia” dan mati pada waktu malam itu.

Tuan Yang di-Pertua, keluarga masih menunggu laporan perubatan. Pertanyaan saya ialah, siapa menjalankan operation itu? Mengapa kelewatan? Adakah doktor itu layak membedah?

Kes keenam berlaku pada 10 Oktober 1996 di mana anak lelaki . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat . . . . Yang Berhormat . . . . tahun 1996 itu . . . .

**Tuan Wong Sing Nang:** Apa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat berkata 10 Oktober 1996.

**Tuan Wong Sing Nang:** Oh, 1994, di mana anak lelaki (*Disampuk*) Puan Lau Lee King mati setelah doktor menggunakan mesin pam mengakibatkan kepala baby. Sebelum itu baby itu normal.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa hal tersebut berlaku berulang-ulang kali? Mengapa pihak hospital tidak mengambil

tindakan untuk membaiki keadaan ini? Sebuah hospital moden dan kelengkapan moden perlu digunakan oleh pakar-pakar tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus menimbangkan penambahan gaji doktor dan meningkatkan taraf bidang perubatan. Ini adalah tanggungjawab bagi pihak kerajaan. Keempat-empat kes ini adalah sangat penting dan Menteri yang berkaitan mesti mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua dan juga paling penting ialah pembinaan Empangan Hidro Bakun di Belaga, Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, selepas pengumuman pembinaan Empangan Bakun pada 30 Januari 1994 oleh Perdana Menteri, penduduk yang tinggal di sepanjang Lembuungan, Rejang seperti Kapit, Song, Kanowit, Sibul, Bintangor dan Sarikei amat mengambil berat tentang isu itu. Mereka tidak mendapat maklumat melalui saluran yang betul. 17 laporan yang telah disiapkan oleh kerajaan dan SAMA konsortium masih diklasifikasikan dalam OSA dan belum diumumkan kepada rakyat. Mengapa projek mega hidro elektrik adalah dianggap sulit?

Tuan Yang di-Pertua, Forum Empangan Bakun yang dianjurkan oleh DAP telah menarik perhatian ramai oleh hadirin.

Tuan Yang di-Pertua, SUPP juga menganjurkan Forum Bakun pada 24hb dan 25hb Jun pada tahun ini. Mereka telah menjemput pakar-pakar dari negeri China. Nama mereka adalah Wei Ting Cheng, Chen Jishen dan Hong Qingyu. Dua daripada mereka mempunyai 40 tahun pengalaman dalam pembinaan empangan. Ramai orang menjadi keliru sama ada forum itu adalah untuk mendapat sokongan terhadap pembinaan empangan iaitu Three Gorges Dam in China kerana forum itu fokus pada empangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Empangan Bakun, mereka mengakui mereka tidak melibatkan diri dalam pengkajian kesesuaian. Namun demikian, apa yang mereka ada pada Bakun hanya maklumat-maklumat yang diberi oleh Jurutera SESCO. Oleh yang demikian, mereka tidak berhak membuat komen Empangan Bakun Hidro. Saya memetik:

“We are under no obligation to the Sarawak Government to give you the assurance that Bakun Dam is safe! Based on what we were briefed, the site selected is good but you need proper and detail study before the dam can be constructed. Then in the process of constructing it you need absolute commitment to the engineering specifications and you need proper maintainance and servicing after the dam is built”.

Tuan Yang di-Pertua, komen yang paling positif diberi oleh Tan Sri Datuk Amar Wong Soon Kai, Pengerusi SUPP kepada awam adalah hak pengetahuan tentang Empangan Bakun. Para hadirin diberitahu bahawa sesiapa yang ingin membaca 17 naskah kesesuaian laporan boleh mendapat dari SESCO. Dia berkata, saya memetik:

“The government has spent a considerable sum of money in commissioning and completing the study. They are with SESCO now. Any members of the public who is interested to know about the project can write to the SESCO and ask for a copy of the study”.

Mengikut pernyataan tersebut, Ahli Parlimen Bandar Kuching menulis kepada Pengarah SESCO, Datuk William Lai meminta Laporan Projek Bakun itu pada 2 Ogos, 1994. Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang dinasihati rujuk kepada Timbalan Menteri Tan Sri Dato' Amar Wong Soon Kai.

Tuan Yang di-Pertua, pada 4 Ogos 1994 Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang menerima surat daripada Tan Sri Wong Soon Kai, saya memetik:

“The report and study with the dam with considerable cost and there could not be released freely to general public. I have asked the SESCO Managing Director, Datuk William Lai to extend to you his cooperation in this manner and let you have the relevant information where feasible”.

Pada 12 Ogos 1994, Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang diberitahu oleh Datuk William Lai bahawa laporan tidak dapat diumumkan kepada awam. Iaitu semua laporan Projek Empangan Bakun diklasifikasikan di bawah OSA.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulan: Tabung Awam dibelanja mesti bertanggungjawab kepada rakyat mengumumkan laporan pengkajian supaya menamatkan kebimbangan dan kecemasan. Tan Sri Wong Soon Kai harus mengemukakan kemaafan kepada penduduk di Lembangan Rajang kerana laporan itu masih diklasifikasikan di bawah OSA. Sila mengumumkan pengkajian secepat mungkin supaya dapat mengendalikan hal tersebut kepada orang ramai dan mengurangkan beban mereka.

Tuan Yang di-Pertua, . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Wong Sing Nang:** Ya. Sikit. Sikit. Satu minit. Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerajaan boleh mengumumkan 17 laporan Projek Empangan Bakun itu yang sangat dikehendaki oleh orang ramai di Rajang Basin, Sarawak. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuala Kedah.

5.35 ptg.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk membahaskan Belanjawan 1995 ini, saya bagi pihak pengundi-pengundi di kawasan Parlimen Kuala Kedah ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan dan Menteri Kewangan yang telah berjaya membentangkan suatu Belanjawan yang benar-benar memberi berbagai kemudahan-kemudahan kepada rakyat khususnya bagi mereka yang berpendapatan rendah.

Pengurangan cukai pendapatan dan pemberian bonus kepada 800,000 kakitangan kerajaan sebanyak sebulan gaji dengan kadar minimum RM600 atau lebih kurang satu setengah bulan gaji bagi kumpulan gaji terendah, pasti akan mengurangkan beban rakyat di dalam perbelanjaan membeli barang-barang keperluan setiap hari.

Di dalam Belanjawan 1995 ini juga buat pertama kalinya tidak terdapat satu pun cukai yang dinaikkan. Sebaliknya kerajaan akan menghapuskan duti import terhadap 2,600 jenis barangan bagi mengawal inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Belanjawan 1995 ini akan memberi faedah dan manfaat yang banyak kepada rakyat dan akan memastikan pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat di samping dapat mengawal inflasi ke tahap bawah daripada 4% seperti tahun-tahun 1993 dan 1994. Dengan yang demikian, rakyat akan menerima pendapatan yang lebih dan pendapatan mereka itu akan terjamin dengan nilai wang yang tinggi dengan inflasi terkawal keseluruhannya.

Saya yakin dan percaya empat objektif utama Belanjawan 1995 akan tercapai seperti pertumbuhan yang kukuh dan mampan, kawalan inflasi pada kadar yang

terendah, pembangunan sumber daya manusia, ketrampilan dan pembangunan masyarakat progresif dan seimbang. Sepatutnyalah Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1995 akan meransangkan lagi pertumbuhan pelaburan di dalam negara khususnya daripada pelabur-pelabur asing.

Institusi yang paling ketara sekali yang boleh menyambut baik Belanjawan 1995 ini ialah Bursa Saham Kuala Lumpur sebagai institusi untuk pelaburan dan mendapatkan dana daripada pasaran. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, sejak Belanjawan ini dibentangkan pada 28hb Oktober 1994, saham-saham di BSKL jatuh dengan teruknya dua minggu berturut-turut. Indeks Komposit jatuh 55 mata daripada 1,113.04 mata pada 28.10.1994 kepada 1,066.47 mata pada 11.11.1994. Indeks Perusahaan pula jatuh hampir 100 mata daripada 1,885.19 mata pada 28.10.1994 kepada 1,788.31 mata pada 11.11.1994. Prestasi di BSKL tidak mencerminkan suatu Belanjawan yang baik, ekonomi negara yang kukuh, inflasi yang terkawal dan syarikat-syarikat yang disenaraikan mempunyai fundamental-fundamental yang kuat.

Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa kejatuhan harga saham di BSKL dalam masa dua minggu kebelakangan ini ialah oleh sebab pelabur-pelabur asing dan pengurus-pengurus dana atau fund managers telah keluar daripada pasaran. Sungguhpun tindakan mereka dikatakan telah dipengaruhi oleh kebimbangan kadar faedah di Amerika Syarikat akan meningkat, tetapi apa yang jelas BSKL masih lagi didorong oleh khabar-khabar angin dan bukan oleh asas-asas yang kukuh.

Oleh yang demikian, saya mendesak kerajaan membuat analisis di atas siapa dan sebab apa BSKL boleh mengalami kejatuhan begitu teruk sebaik sahaja Belanjawan 1995 dibentangkan. Saya rasa

BSKL sepatutnya mencerminkan Belanjawan yang baik, ekonomi negara yang kukuh, inflasi yang terkawal dan syarikat-syarikat yang mempunyai fundamental-fundamental yang kuat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjamin pembangunan negara yang berterusan kita memerlukan pembangunan sumber daya manusia yang berketrampilan khususnya apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengilhamkan suatu Wawasan 2020 untuk mewujudkan suatu negara Malaysia yang maju dan progresif. Bagi sebuah negara yang maju yang memerlukan ramai tenaga pekerja yang terlatih dan mempunyai ilmu sains dan teknologi dan kemahiran-kemahiran yang tertentu untuk keperluan industri-industri.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) diperkenalkan dalam tahun-tahun 1980-an sehingga sekarang ini yang mementingkan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira, sekarang ini jelas menunjukkan bahawa KBSR pada masa itu tidak cukup untuk menyahut Wawasan 2020 bagi mewujudkan sebuah negara yang maju. Saya cadangkan KBSR perlu dikaji semula dan mata-mata pelajaran sains dan teknologi diperkenalkan dan diutamakan supaya anak-anak kita dapat diberi persediaan awal untuk menimba ilmu sains bagi mengisi keperluan negara yang maju.

Saya ingin melihat anak-anak kita dapat mengisi peluang-peluang yang wujud menjelang 2020. Saya juga berpendapat bahawa pendidikan tidak lengkap jika mereka yang berjaya tidak diberi pendidikan agama supaya mereka akan menjadi pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab dan berakhlak mulia, sama ada mereka menjadi pegawai-pegawai tinggi kerajaan atau menjadi pengurus-pengurus badan-badan korporat.

Dengan pendidikan asas agama dan moral, saya percaya anak-anak kita apabila diberi tanggungjawab kelak, mereka tidak akan menyeleweng atau memecah amanah seperti yang berlaku sekarang ini. Pendidikan asas agama dan moral adalah penting untuk mewujudkan kepimpinan bagi menghadapi cabaran abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pembangunan masyarakat progresif dan seimbang, saya merayu kepada kerajaan untuk terus memberi kemudahan-kemudahan kepada masyarakat-masyarakat luar bandar. Saya juga berharap, kerajaan akan menambahkan lagi peruntukan untuk membasmi kemiskinan, khususnya di kawasan-kawasan luar bandar.

Statistik menunjukkan 47% rakyat tinggal di luar bandar. 19% dari rakyat negara adalah rakyat yang miskin dan 85% daripada rakyat miskin tinggal di luar bandar. Rakyat di luar bandar adalah juga penyokong-penyokong kuat kerajaan. Buat masa ini, kemudahan-kemudahan asas seperti sekolah-sekolah, jalan raya, bekalan elektrik dan air, hospital-hospital dan klinik-klinik adalah lebih baik di bandar daripada di luar bandar. Oleh yang demikian, kerajaan hendaklah memberi perhatian yang lebih kepada kawasan luar bandar supaya suatu hari kelak, kemudahan-kemudahan yang terdapat di bandar akan dapat dinikmati sepenuhnya oleh penduduk-penduduk luar bandar. Peruntukan untuk naik taraf jalan kampung, membina titi ke ladang, surau-surau dan masjid-masjid hendaklah ditambah lagi dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai taraf negara maju yang diharapkan menjelang Tahun 2020, kerajaan hendaklah menetapkan pendapatan sesuatu dan setiap keluarga ke tahap yang boleh diterima sebagai pendapatan satu-satu keluarga dalam sebuah negara yang maju.

Jika pendapatan yang ditetapkan ialah RM2,000 sebulan, kita hendaklah mengatur strategi dari sekarang untuk mencapai matlamat itu. Soalannya, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah rakyat yang tinggal di luar bandar, petani-petani, nelayan-nelayan, penoreh-penoreh getah, pekerja-pekerja ladang kelapa sawit dan pekebun-pekebun kecil, pekerja-pekerja kilang akan dapat mencapai pendapatan RM2,000 sebulan pada tahun 2020? Jika tidak, sekurang-kurangnya kita hendaklah rapatkan jurang perbezaan dari segi pendapatan orang-orang luar bandar dengan orang-orang bandar.

Dengan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya turut sama dengan rakan-rakan lain menyokong Belanjawan ini.

**Tuan Yang di-Pertua: Kuala Kerai.**

*5.45 ptg.*

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya turut sama dalam membahaskan Belanjawan yang telah dibentangkan pada 28hb Oktober yang lalu. Dalam suasana rakyat pelosok bumi yang bertuah ini, menunggu ke manakah hala tuju yang sebenarnya setelah gagal gempar bagaikan guruh di langit menandakan hujan rahmat akan turun. 28hb Oktober gema Ucapan Belanjawan 1995, keindahan gaya bahasa, tutur bahasa, apatah lagi apabila diselit pula oleh angka-angka yang menarik, yang mempesonakan serta menyegarkan semangat yang lemah dan mengkayakan lagi yang lebih kaya.

Di saat yang sama, bakhshis sebulan gaji diluluskan. Segala-gala itu kita hadapi penuh harapan agar tidak berlaku atau perlu berlalu dengan sia-sia sahaja. Dan kita berharap agar ianya terlaksana sampai ke akar umbi, biar semua lapisan rakyat merasainya. Belanjawan kali ini juga mencatat rekod Belanjawan berimbang, berbanding dengan tahun 1982. Saya

kurang erti mengapakah tahun 1982 dijadikan ukuran dan perbandingan? Mungkinkah ketika itu orang yang menjadi menteri adalah orang yang tidak sehaluan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kita mestilah adil dengan melihat keadaan dan suasana semasa. Apakah kita kata tidak tahu mengurus sekiranya zaman ayah kita dahulu hanya pakai basikal ke mana pergi, umpamanya. Sepatutnya, kita yang ada ini berterima kasih kepada penerokaan orang yang telah lalu, melangkah maju sedikit demi sedikit hinggalah ke zaman kita ini. Kita tidak perlu sangat berbangga diri dengan kemajuan yang ada di hadapan kita semata-mata. Masyarakat sekeliling boleh menilai, ianya mesti dilihat dan dihargai sama tenaga-tenaga yang sebelum kita. Umpamanya, katakanlah kita orang kaya, berpangkat, berkedudukan tinggi pula. Bila kita berada di hadapan hidangan yang serba ada, apakah kita lupa di sana yang menangkap ikan adalah para nelayan yang berhempas pulas menempuh gelombang ombak. Begitulah seterusnya segala nikmat yang ada di hadapan kita hari ini. Ertinya, segala kemajuan ini yang ada di hadapan kita, yang kita capai adalah hasil kongsi bersama oleh seluruh yang hidup di muka bumi ini. Tidak ada sebab kita berlagak sombong, apa lagi mengecil-ngecilkan sebuah negeri yang ianya juga di bawah Persekutuan, khususnya seperti negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap benar-benar pihak media massa supaya memainkan peranannya dalam menyumbangkan keadilan sejagat supaya rakyat bawahan tidak tertipu dengan gejala-gejala yang tidak sihat, yang boleh mengelirukan fakta yang sebenarnya.

**Tuan Ruhani bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:**  
Tuan Yang di-Pertua, semasa Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan berucap di kawasan Batu 8, Tanah Merah, Khamis yang lalu, maka diisytiharkan berjuta-juta ringgit Kerajaan Pusat telah membelanjakan untuk negeri Kelantan, diisytiharkan angkanya sekolah Air Lanas dan berbagai-bagai sekolah telah diberi bantuan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat. Beri jalan atau tidak?

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:**  
Tidak boleh. Masa sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sedikit, dia tidak beri.

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:**  
Tuan Yang di-Pertua, yang kita mempersoalkan sekarang ialah wang peruntukan, khusus mengikut Perlembagaan kepada Kerajaan Negeri yang hanya setakat ini baru 10% diberi kepada pihak Kerajaan Negeri Kelantan. Nampaknya, Yang Berhormat Menteri kira habis segala gaji guru-guru, segala gaji polis-polis, tentera, kakitangan hospital dan sebagainya. Ini tanggungjawab kerajaan. Kita tidak tuntutan yang ini. Kita tuntutan yang wajib.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya harap dijelaskan berapakah tiap-tiap bulan hasil negeri yang dipungut oleh Kerajaan Pusat dan sebanyak mana pula pusat kena bayar kepada negeri masing-masing supaya dapat rakyat beza mana nafkah wajib, mana nafkah sunat. Kita harap pihak kerajaan menjelaskan supaya tidak terkeliru rakyat-rakyat kampung di sana.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian saya ingin pula menyentuh masalah pentadbiran KESEDAR. Baru-baru ini sibuk beritahu melalui akhbar dengan dakwaan kononnya Kerajaan Negeri Kelantan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat

Tuan Guru Menteri Besar merampas tanah-tanah KESEDAR. Masalah rampas tanah, saya ingin tahu berapa luas setakat ini, tanah yang dirampas dan kawasan mana, jenis mana tanah yang dirampas?

Tuan Yang di-Pertua, bukan senang hendak rampas tanah orang. Kalau yang didiami oleh yang dinamakan 'setinggalan' pun mestilah ada tatacara mengikut undang-undang, tambahan pula yang berkuasa adalah Kerajaan Barisan Nasional. Saya amat kesal dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, kareh KESEDAR ini ada-ada sahaja. Di tahun yang lalu ia menuduh Majlis Agama Islam tidak benar sembahyang Jumaat di masjid yang dibangunkan oleh KESEDAR di Gua Musang. Majlis Agama Islam bukan persoal masjid siapa bina, soalnya tidak cukup syarat sah mendirikan Jumaat. Kemudian diikuti pula dengan masalah timbulnya peneroka tidak mahu pembangunan; terpaksa hantar balik peruntukan daripada Kelantan ke Pusat. Ini pun telah disebut-sebut, tetapi segala-galanya selesai, tidak ada orang yang tidak mahu kepada pembangunan bahkan semua orang mahu kepada pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapa peruntukan yang diberi melalui KESEDAR tiap-tiap tahun kerana sampai sekarang masih lagi belum mendapat kemudahan asas yang sempurna. Saya bimbang takut-takut di sana ada penyelewengan dalam pengurusan yang boleh diragu-ragukan. Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, . . .

**Tuan Yim Chee Chong:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:**  
. . . masalah memasang bekalan air paip  
. . . . .

**Tuan Yim Chee Chong:** Minta jalan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:**  
Saya tidak benarkan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak benar.

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:**  
Ini ganggu sahaja.

**Tuan Yim Chee Chong:** Saya hendak tahu, kenapa 'tidak benar' bolehkah minta penjelasan? *(Ketawa)*

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:**  
Contohnya, memasang saluran air di kawasan saya di Batu Mengkabang. Sudah tiga tahun tetapi setitik air pun tidak berhasil. Setelah saya minta pihak JKR Kuala Kerai memasukkan air, maka pihak JKR mengatakan bahawa pemasangan paip yang telah dipasang oleh KESEDAR tidak mengikut syarat, tidak boleh diluluskan. Kalau hendak dibekalkan air juga mesti mengeluarkan belanja yang banyak lagi, melebihi angka RM40,000 dan sebagainya. Jadi, saya berharap pihak yang bertanggungjawab cuba menyelidik apakah sebenar pemasangannya, siapa yang memasangnya, kontrak mana atau di bawah kawalan selia siapa?

Tuan Yang di-Pertua, dalam ghairah kita membangunkan negara di sana-sini, jalan raya, lebuhraya, berjalur-jaluran di dada bumi ini, kita jangan abaikan kemudahan nikmat yang sedia ada, seperti saliran air sungai mestilah dialirkan mengikut tabiatnya yang semula jadi. Juga kawasan pertanian jangan dimusnahkan, kalau terpaksa dimusnahkan juga mestilah digantikan dengan segera. Contohnya dua batang sungai di kawasan saya. Sebelum lebuhraya ini diadakan daripada Gua Musang ke Kuala Kerai, orang kampung tidak pernah mengalami banjir, tetapi apabila lebuhraya ini diadakan, yang sepatutnya buat jambatan dibuatnya culvert, apabila satu-dua hari hujan, maka rakyat telah ditenggelami air di setengah-setengah tempat.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan perhubungan kita juga meningkat begitu pesat sekali. Sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan dua tiga hari yang lalu dalam menjawab soalan bahawa 6.9 juta kenderaan yang sedang bergerak ke sana-ke mari, maka pertambahan kesesakan jalan raya amat ketara sekali. Saya mencadangkan supaya disegerakan laluan kedua kereta api, lebih-lebih lagi negeri-negeri yang tidak ada langsung kereta api. Tuan Yang di-Pertua, di mana-mana pembinaan itu, terpulanglah kepada kebijaksanaan pengurusan, tetapi kereta api yang canggih dan yang munasabah dengan suasana pembangunan yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut sedikit iaitu masalah pendidikan. Bermacam-macam masalah baru timbul silih berganti, banyak telah kita dengar yang disebut dalam Dewan yang mulia ini dari awal hingga akhir hari ini, semasa perbahasan Belanjawan 1995 ini; pokoknya ialah keruntuhan akhlak dan moral di kalangan remaja, lebih-lebih lagi di kalangan terpelajar terlibat sama juga. Maka patutlah pihak kerajaan mengkaji semula, adakahnya ianya berpunca dari kegagalan sistem pendidikan yang tidak terdidik umpamanya? Saya mencadangkan kepada pihak Kementerian Pendidikan memperbaiki atau menggubal semula sistem yang ada sekarang ini. Contohnya bagaimana Rasulullah s.a.w. mendidik umat daripada jahiliah, kezaliman, pembunuhan dan permusuhan menjadi umat yang baik, bersatu-padu, hidup bahagia, tolong-menolong, bantu membantu dalam kebajikan dan tolong menolong dalam membanteras segala kemungkaran dan kejahatan. Tidak lain dan tidak bukan, Tuan Yang di-Pertua, sama-sama kita kembali kepada Al-Quranul-karim. Tidak wajar kalau ibu bapa dipersalahkan secara mutlak, apabila anak-anak remaja mereka terlibat dalam

maksiat atau sebagainya. Kerajaan sendiri perlu memikul sama dan bertanggungjawab membetul semula kerana membiarkan saluran maksiat berleluasan, membuka pintu kemungkaran atau menggalak ke arah itu. Contohnya 'Malam Himpunan Simpati Bosnia'.

Yang kedua, 'Malam Dataran Merdeka' — sementara menunggu jam 12.00 malam menyambut Tahun Baru di setiap tahun dan banyak lagilah kalau hendak disebutkan amal-amal seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ulang sekali lagi, kerajaan bertanggungjawab besar di hadapan Allah S.W.T. nanti, seperti ayat Quran yang bermaksud: Kamu sebagai pengawal, kamu akan ditanya dari hal rakyat kamu kelak.

Tuan Yang di-Pertua, tidak bolehkah pihak Kementerian membuat penyelarasan semasa menggubal undang-undang, masing-masing melihat kepentingan satu Kementerian dengan Kementerian yang lain, jangan ikut selera masing-masing yang tidak tahu hujung pangkalnya.

Saya mencadangkan kesemua Kementerian sebelum meneruskan sesuatu mestilah terlebih dahulu merujuk kepada para ulama' warasatul ambia. Ulama' yang bertanggungjawab dunia dan akhirat, jangan buat dahulu, kemudian baru tanya fatwa boleh atau tidak. Hancurnya generasi akan datang, kita yang berkuasa ini akan ditanya oleh Allah S.W.T. Dalam hal ini juga, jangan lupa mendapat pandangan daripada ketua-ketua agama yang lain, kerana semua agama mahu menuju kepada kesejahteraan hidup di dunia ini. Segala unsur-unsur yang melalaikan dan membiak maksiat mestilah dihenti segera, jenis hiburan yang tidak menguntungkan, lebih-lebih lagi kalau bercanggah dengan nilai murni Islam diharamkan segera.

Tuan Yang di-Pertua, umpamanya dua-tiga hari lepas kita dengar 'rumah urut' yang berada di sekitar bandar raya ini ada sebanyak 45 buah, yang berlesennya 42. Kita boleh tanya semua ketua-ketua agama, apakah penting rumah urut ini diadakan? Apakah mustahak rumah ini ada? Kalau ianya mustahak lebih baik kita masuk dalam sistem pelajaran yang akan datang ini, diadakan 'pengajian urut' — munasabah; kita sakit, isteri kita urut kita; isteri sakit kita urut dia, lebih bagus, belanja tidak banyak di rumah kita. Saya cadangkan supaya kalau ianya penting . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, minta penjelasan sedikit boleh tak?

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:** Maaf.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ada gambar (*sambil menunjukkan gambar*).

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:** Ada Yang Berhormat, saya hendak beri.

**Seorang Ahli:** Di Kelantan ya.

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:** Ada, Yang Berhormat saya sudah beri.

Tuan Yang di-Pertua, saya kesal dalam banyak ucapan mula daripada ucapan Belanjawan Tambahan hinggalah hari ini terutama sekali daripada pimpinan Barisan Nasional, khususnya Ahli Yang Berhormat dari Arau yang minta jalan tadi. Ucapan mereka meminta supaya pemimpin PAS bertaubat, dan ditimbulkan semula gejala buruk di kampung adalah PAS punya karenah. Mujurlah bekas Ketua Menteri Melaka tidak kata PAS yang ajar. Kami orang PAS tidak berapa pelik kerana hal ini pernah dilemparkan kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. 'Muhammad pemecah belah, Muhammad penghasut' dan sebagainya. Di luar Dewan mereka boleh kata apa sahaja, sedang peristiwa dalam Dewan ini pun boleh mereka putarkan . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, minta sedikit sahaja, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:** Maaf ya.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Sebab saya dapat satu gambar lucu yang telah diberi oleh orang PAS kepada saya.

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:** Itu kira lepas ini. 'Lucu' itu kira selepas ini.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ini gambar. (*Sambil menunjukkan sekeping gambar*).

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:** Tidak apa.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Gambar lucu ini.

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:** Selepas ini boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Orang PAS beri saya, muka dia superimposed seorang kepimpinan besar Malaysia — gambar lucu.

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:** Berat!

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ini orang PAS.

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ini surat orang PAS yang menuduh saya 'orang kafir' . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, ini ganggu.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** 'Surat layang'.

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:** Ini ganggu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:** Ini ganggu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, teruskan ya. Yang Berhormat minta gulung ya.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tidak, kata saya 'kafir dan Tuhan saya Dr. Mahathir'.

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:** Jadi, saya hendak sebut sedikit.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ini daripada Peringat, Kota Bharu Kelantan Tuan Yang di-Pertua (*sambil menunjukkan sekeping surat*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Arau, dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Gambar lucuh, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat, ya.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua pun hendak tengok ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** (*Ketawa*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan ya.

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:** Jadi, dalam masalah PAS atau UMNO, 'bertaubat' tidak jadi masalah, sebab 'taubat' ini ibadat kepada Allah S.W.T. yang dia tuduh kita kata 'kafir atau tidak kafir', di sini saya ada sebuah buku namanya 'Dalilul-haj Wal-muktamir' yang ditulis oleh Ben Baz dari Arab Saudi. Jadi, saya hendak hadiahkan kepada Arau pada hari ini supaya dia balik belajar atau baca di Kedah. Kalau dia tidak ada tok guru saya hendak cadangkan gurunya. Jadi, dia bolehlah berkongsi dengan Jerai,

tolong tengok buku ini dan kalau tidak puas hati, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri tolong kaji. Kalau ianya boleh dielak – elakkan, kerana dalam kitab ini Tuan Yang di-Pertua, bukan mudah hendak kata siapa 'kafir, siapa tidak'. Misalnya saya baca satu contoh ayat Quran yang bermakna: Mana-mana iktikad, bahawa petunjuk selain dari Nabi Muhammad s.a.w. lebih cantik, lebih comel ataupun lebih sempurna, seperti mereka yang melebihkan hukum-hukum 'taghut' di bawa salah tafsirnya, tidak layak hukum Islam diterbitkan sekarang ataupun dia kata yang bermakna: Sekiranya dia laksanakan hukum Islam menyebabkan Islam akan mundur.

Semuanya disebutkan. Jadi, saya hendak hadiahkan kitab ini kepada Yang Berhormat Araulah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat sudah cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:** Jadi, sekian dan terima kasih saya ucapkan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah cukuplah, Yang Berhormat. Yang Berhormat Sabak Bernam.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak usahlah, dia tidak buat apa yang salah tadi. Saya dengar tidak ada apa. (*Ketawa*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tak, saya sedih sebab orang PAS hantar surat kepada saya menuduh saya bertuhankan Dr. Mahathir. Lepas itu dia beri gambar lucuh, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak pernah jumpa orang PAS yang boleh menghantar gambar lucuh kepada saya macam ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sabak Bernam, sila teruskan.

*6.01 ptg.*

**Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim (Sabak Bernam):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya merakamkan jutaan terima kasih dan rasa syukur saya ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan lempahNya juga dapat kita bersama-sama menikmati kemakmuran dan keharmonian hidup di negara Malaysia yang tercinta ini.

Semenjak negara mencapai kemerdekaan, pelbagai cabaran dan rintangan telah pun kita harungi. Segala usaha dan juga kegigihan di dalam menjayakan cita-cita dan hasrat negara akhirnya terlaksana. Sebagai anak Malaysia saya berasa amat terhutang budi dan berbangga di atas segala pencapaian yang kita perolehi hasil daripada usaha kita sendiri di bawah payung Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Belanjawan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita baru-baru ini adalah merupakan petunjuk yang harus disedari oleh semua lapisan rakyat bahawa kerajaan sentiasa mengambil berat dan peka terhadap kebajikan rakyat. Kerajaan yang ingin meneladani setiap rakyatnya menikmati segala hasil-hasil yang telah dicurahkan selama ini tidak pernah mensia-siakan dan sentiasa memandang berat akan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat kepadanya.

Berdasarkan kepada pembentangan Belanjawan bagi tahun 1995 bersama-sama dengan objektifnya, saya dengan rasa rendah diri menyokong sepenuhnya. Ini adalah kerana dari semua segi Belanjawan yang dibentangkan, rata-rata menguntungkan dan melegakan semua pihak lebih-lebih lagi dengan pelbagai kelonggaran penurunan cukai. Pertumbuhan

ekonomi kita sebanyak 8.5% adalah di antara yang tertinggi di dunia dan pencapaian di paras lebih 8% untuk tahun yang berturut-turut ini adalah sukar untuk dicapai oleh mana-mana negara di dunia ini. Dengan jangkaan peningkatan rizab kepada RM81.7 bilion, kedudukan ringgit kita adalah teguh. Ini akan menggalakkan lebih banyak pelaburan dan secara tidak langsung meningkatkan lagi taraf ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, banyak cukai-cukai perniagaan seperti import dan eksport telah diturunkan yang mana melegakan serta mengurangkan beban peniaga-peniaga. Ini dalam erti kata lain membolehkan perolehan yang memberi peluang kepada muka-muka baru untuk menceburi bidang perniagaan sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menukar corak negara kepada sebuah negara industri yang maju di rantau Asia ini.

Pada hari ini setelah hampir setengah abad merdeka kita banyak menyaksikan kebangkitan penguasaan ekonomi di negara-negara Asia khususnya di Asia Tenggara. Pada hari ini walaupun kita belum boleh mendabik dada di atas kemajuan yang telah dicapai, namun dari segi politik dan ekonomi kita sudah boleh tersenyum bangga kerana negara kita yang kerdil ini semakin disegani oleh negara-negara gergasi yang menguasai dunia ini. Jelas Malaysia semakin hari semakin diyakini dan dihormati.

Penurunan cukai pendapatan syarikat yang diturunkan sebanyak 2% daripada 32% kepada 30% adalah merupakan satu langkah yang bijak di dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Penurunan cukai pendapatan syarikat yang akan dikuatkuasakan mulai tahun taksiran 1995 secara tidak langsung memberikan galakan di dalam mewujudkan satu iklim pelaburan dan perniagaan yang baik yang secara tidak langsung dapat meningkatkan

keupayaan bersaing khususnya dari syarikat-syarikat negara luar. Belanjawan pada tahun ini juga membuktikan betapa mantapnya ekonomi negara yang begitu terancang yang dapat dirasakan oleh semua sektor swasta dan kerajaan.

Dengan jangkaan kenaikan pelaburan awam sebanyak 14.3% dan pelaburan swasta 11.9% adalah merupakan petunjuk kepada betapa kuatnya pertumbuhan pelaburan dan kecenderungan untuk melabur di kalangan sektor awam dan persendirian. Pertumbuhan pesat di dalam pelaburan ini dapat jelas dilihat melalui projek-projek gergasi yang sedang giat berjalan seperti pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang, Sistem LRT, Kuala Lumpur City Centre, Kompleks Sukan Commonwealth, Menara Kuala Lumpur dan sebagainya. Ini membuktikan bahawa rakyat dan pelabur asing mempunyai keyakinan yang kukuh terhadap perancangan ekonomi negara. Ini ternyata dengan pertumbuhan pesat sektor-sektor perindustrian yang telah memberikan penambahan kepada pendapatan negara. Keupayaan pengeluaran negara juga bertambah dengan pertambahan dalam pengeluaran dan modal tetap.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita berusaha jerih untuk membangunkan negara ini, pembangunan mental dan fizikal juga tidak seharusnya dipandang sepi dan remeh. Tidak ada gunanya di dalam kita sibuk membangun dan memperkukuhkan ekonomi negara, kita masih lagi rapuh dari segi mental dan fizikal. Pembangunan minda dan tenaga haruslah seiring dengan pembangunan negara. Apalah gunanya jika kita dikelilingi oleh kraton-kraton yang indah sedangkan ianya bukan milik kita. Kita masih lagi tidak dapat bersekongkol sesama kita di dalam membentuk sebuah masyarakat dinamik.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan mengajar kita menjadi seorang manusia, jika tidak sebagai insan yang kamil tetapi menjadi insan yang tahu erti berterima kasih. Paling tidak pendidikan mengajar kita mengucap syukur. Apalah ertinya sebuah negara yang maju hanya maju dari segi material sedangkan insan-insannya masih lagi seperti Kabil dan Dajjal yang menikam dari dalam serta mengkritik untuk menjahanamkan.

Saya sering dibayangi oleh mimpi-mimpi ngeri dan sadis masa depan negara yang dicintai. Ini adalah kerana semakin hari semakin ramai masyarakat kita yang menghalang dan alpa sehinggakan sanggup menjual maruah dan pekung sendiri demi pangkat dan pengaruh. Ini kerana negara Malaysia yang aman makmur ini sudah pasti dilanda porak-peranda. Oleh hal yang demikian, negara memerlukan generasi-generasi yang berkepimpinan. Generasi-generasi muda sekarang adalah bakal pemimpin yang bakal meneruskan wadah perjuangan kita pada hari ini.

Berdasarkan keperluan ini, perlulah dari sekarang kita mewujudkan insan-insan yang berketrampilan, yang berkebolehan dari segi semua sudut. Hasrat dan objektif ini hanya dapat dicapai melalui satu sistem pendidikan yang terancang dan canggih bukan hanya secara formal tetapi juga secara informal. Apa yang saya maksudkan di sini ialah semua pihak haruslah bertanggungjawab di dalam membantu untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang seimbang. Pendidikan tidak hanya bermula di sekolah bahkan di rumah dan di mana-mana juga. Perasaan bertanggungjawab haruslah ditanamkan di sanubari setiap insan masyarakat ke arah ini?

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membentuk masyarakat dan insan berketrampilan ini kita sering menghadapi berbagai halangan dan masalah. Salah satu

daripadanya ialah masalah keciciran murid-murid terutamanya di kawasan luar bandar. Oleh hal yang demikian, saya merayu agar perhatian berat haruslah diberikan bagi mengkaji semula peruntukan-peruntukan pendidikan terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar. Bilangan sekolah-sekolah termasuk kemudahan-kemudahan asas perlu dipertingkatkan. Contohnya, banyak sekolah-sekolah di luar bandar yang masih lagi dalam keadaan serba kekurangan. Kita tidak mahu di dalam kita menikmati pertumbuhan ekonomi yang begitu menggalakkan beserta dengan kemajuan teknologi moden, masih terdapat lagi masalah-masalah keciciran di dalam bidang pendidikan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sekarang di dalam menatap kegemilangan sedang menghadapi satu masalah baru. Masalah yang semakin hari semakin membusut dan membusung. Keruntuhan moral dan akhlak adalah masalah yang tidak dapat diselangi lagi. Hari-hari, ratusan belia dan generasi muda terjerumus ke lembah ini. Kita dapati tempat-tempat hiburan, kompleks membeli-belah, perhentian-perhentian bas semakin popular. Suasana malam yang selalunya sunyi di lorong-lorong yang tanpa penghuni kini sudah penuh didiami.

Pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara semakin menjadi kenyataan tetapi generasi kita masih dibuai khayalan. Apakah kita akan terus alpa kepada gejala dan senario ini? Inilah persoalan yang masih lagi belum terjawab.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan pada kali ini banyak melibatkan perubahan ke arah memajukan sistem pendidikan. Sebagai contohnya, bagi meringankan bebanan golongan berpendapatan rendah, kerajaan telah mengkaji semula pelepasan anak bagi maksud cukai pendapatan tanpa menghadkan kepada jumlah anak. Di

samping itu, peruntukan untuk pendidikan latihan juga, telah dilipatkaligandakan berjumlah RM10.031 bilion ataupun 20.6% iaitu satu jumlah yang agak besar pernah diperuntukkan dan merupakan satu insentif dan juga langkah praktikal kerajaan di dalam memupuk masyarakat Malaysia yang berminda luas selaras dengan objektif Belanjawan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya mengketengahkan soal-soal pendidikan ini adalah kerana masa depan negara bergantung kepada generasi-generasi muda pada hari ini. Oleh hal yang demikian, pembentukan sebuah generasi yang berilmu, berwibawa dan berwawasan adalah penting. Ditambah lagi saban hari kita sering dibanjiri dengan masalah-masalah keciciran dalam pelajaran yang akhirnya membawa kepada gejala-gejala sosial seperti masalah ketagihan dadah, bohsia, pelacuran, pembuangan bayi dan sebagainya. Hanya melalui pendidikan sahajalah masalah-masalah sedemikian akan dapat ditangani.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan agar masalah-masalah kekurangan sekolah, kekurangan guru-guru dan keperluan asas sekolah-sekolah dapat dipenuhi dengan segera, terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar. Ini adalah kerana melalui sistem pendidikan yang canggih sahajalah, insan-insan yang berketrampilan akan dapat diwujudkan. Di dalam penat jerih kita memburu dan membawa negara ke mercu kegemilangan masih lagi terdapat segelintir insan-insan yang iri hati dan gabra akan kejayaan kita. Di sebuah negara merdeka dan demokrasi, kita sentiasa memberi lalu dan memberi peluang kepada mereka yang berwibawa, kita sentiasa mengalu-alukan mereka yang ingin turut serta dengan kita, walau bagaimanapun, segelintir golongan ini masih tidak dapat membezakan antara madu dan jadam.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu wujudnya satu generasi yang hanya pandai mengomel serta mengkritik sahaja tanpa berterima kasih di atas apa yang kita nikmati. Kita tidak mahu wujud satu generasi yang hanya pandai membangkitkan demi kepentingan kedudukan dan isi perut, tetapi memijak belakang kawan. Kita mahukan satu generasi Malaysia yang berani — bukan generasi yang hipokrit, yang pandai melontar batu, tetapi menyorokkan tangannya. Kita tidak mahu rumah tangga kita diporak-perandakan oleh segelintir golongan yang tamak, yang sanggup menggadaikan maruah demi kepentingan perut dan kocek sendiri. Janganlah disebabkan nila setitik habis susu sebelanga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta gulung.

**Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan, tidak dapat dinafikan bahawa negara dan kerajaan tidak pernah sama sekali melupakan rakyatnya, belum pernah tercatat dalam sejarah ada negara yang sengaja ingin memperhambakan rakyatnya, yang ingin melihat rakyatnya dihipit kepapaan. Semiskin-miskin negara yang di dalam kancah peperangan, kemudaran pun masih lagi berusaha untuk meningkatkan taraf hidup rakyatnya. Apa yang sebenarnya berlaku bukanlah atas kesalahan negara tersebut, tetapi atas kesilapan dan ketamakan segelintir manusia yang rendah tahap mental dan kemanusiaan, manusia-manusia yang masih kurang tamadunnya. Justeru itu, di dalam membentuk sebuah negara yang maju dan disegani, peranan semua rakyat adalah penting. Mudah-mudahan segala impian kita untuk menjadi sebuah negara maju akan benar-benar dapat direalisasikan. Saya ingin menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ipoh.

6.15 ptg.

**Tuan Lau Dak Kee (Ipoh):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian untuk berbahas dalam Belanjawan Tahun 1995.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa banyak balai raya yang terletak di bawah kuasa Kerajaan Tempatan akan ditukar menjadi pusat kawasan komersil di seluruh negara, kerana tapak balai raya yang sedia ada ini terletak di tempat-tempat yang strategik dan bernilai tinggi jika dibangunkan sebagai pusat komersil. Baru-baru ini balai raya di Kampung Baru Jelapang, Perak akan dirobohkan oleh Majlis Bandaraya Ipoh, tanpa menggantikan suatu tapak baru untuk didirikan balai raya yang baru. Kejadian ini bukan sahaja menafikan hak penghuni untuk mengadakan sebuah balai awam supaya mereka dapat mengadakan jamuan makanan, jamuan muhibah ataupun pertunjukan pentas, lebih-lebih lagi tindakan seumpama ini akan membawa kesan yang buruk kepada kerajaan di mana penghuni-penghuni akan menganggap kerajaan tempatan lebih mementingkan untuk membuat keuntungan bagi diri sendiri dan bukan memihak kepada kepentingan penghuni-penghuni kampung. Sekarang balai raya pun boleh diroboh, apatah lagi bangunan-bangunan yang lain.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan adakah kejadian ini mencerminkan hasrat dan dasar kerajaan tempatan di mana semua balai raya yang mempunyai nilai komersil yang tinggi akan dirobohkan dan kemudiannya diserahkan kepada pihak swasta untuk dimajukan sebagai pusat perniagaan tanpa menggantikan satu balai raya yang baru di tempat yang baru, khususnya di kampung-kampung baru? Mengapa kawasan yang direservekan sebagai kawasan kemudahan orang awam boleh ditukar menjadi kawasan per-

niagaan? Saya khuatir mungkin suatu hari semua kawasan-kawasan yang direservekan untuk kemudahan orang awam akan hilang pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan TNB — memandangkan Tenaga Nasional Berhad telah mencadangkan untuk membina sebuah stesen janakuasa elektrik di Teluk Penyalang, Pasir Panjang, berhampiran dengan Lumut, Pulau Pangkor di Negeri Perak, pada tahun 1990, saya juga mendapati bahawa stesen janakuasa ini akan menggunakan arang batu sebagai bahan bakar untuk menjanakan kapasiti pengeluaran tenaga sebanyak 4,000 megawatt dengan menelan belanja sebanyak RM12 milion dan memerlukan kawasan seluas 700 hektar. Oleh kerana stesen janakuasa ini adalah satu stesen yang paling besar di Malaysia, stesen ini akan menggunakan arang batu untuk sumber pembakaran — ini tentulah menimbulkan berbagai-bagai persoalan dan keraguan.

Pertama, apakah alasan-alasan yang munasabah untuk memilih arang batu sebagai bahan bakar? Mengapa tidak menggunakan diesel atau sumber yang lain seperti air, solar, ombak, angin atau sebagainya yang kurang menimbulkan masalah pencemaran.

Kedua, daripada segi bahan pembakaran, sejauh manakah stesen yang mengeluarkan 4,000 megawatt ini dijangkakan membakar berapa tan arang batu setiap 24 jam sehari dan berapa banyak arang batu akan digunakan bagi tahun pertama, tahun kedua dan tahun ketiga dan berapa tambahannya arang batu akan digunakan jika stesen ini dipertingkatkan pengeluarannya mengikut jadual yang dicadangkan? Apakah bandingan kos pengeluaran dan harga bahan bakar antara bakar batu dengan minyak diesel, petrol, air, angin, cahaya suria dan sebagainya? Daripada segi pencemaran, berapa banyakkah sisa-sisa

arang batu yang akan dikeluarkan mengikut jadual yang dicadangkan dan apakah cara yang berkesan untuk melupuskan sisa-sisa tersebut supaya dapat meminimumkan ancaman pencemaran kepada alam sekitar? Apakah kesan yang buruk kepada masalah pencemaran udara, pencemaran air, pencemaran bunyi dan pencemaran sumber dan kualiti tanah dan alam semula jadi di kawasan yang berhampiran?

Tuan Speaker, dari segi penentuan tapak stesen ini, apakah halangan-halangan yang masih belum dapat diselesaikan setakat ini memandangkan cadangan untuk membina stesen janakuasa elektrik ini telah dicadangkan dan Kerajaan Negeri Perak sudah bersetuju pada dasarnya pada tahun 1990. Mengapa hingga hari ini projek tersebut masih dalam pertimbangan sahaja? Adakah masalah kewangan, masalah-masalah seperti masalah teknikal, masalah kesesuaian tapak dan masalah kesan buruk kepada alam sekitar? Jika ya, bolehkah Menteri yang berkenaan dapat memberitahu kepada Dewan ini, apakah masalah-masalah yang sebenarnya? Adakah TNB tidak mampu untuk menyelesaikan halangan ini?

Saya difahamkan pihak TNB sedang meneliti sama ada mahu meneruskan projek ini atau tidak kerana tiga faktor. Yang pertama, masalah kewangan dan bekalan arang batu tidak dapat ditentukan. Faktor kedua ialah laporan EIA telah ditolak oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri Perak merujuk balik kepada TNB untuk mengkaji semula dan mengemukakan cadangan baru kepada Kerajaan Negeri Perak supaya membolehkan Kerajaan Negeri Perak menimbangkannya. Faktor yang ketiga ialah bantahan daripada penghuni-penghuni atas masalah pencemaran, ganti rugi dan tapak penem-

patan semula. Saya berharap Menteri yang berkenaan dapat memberi gambaran yang betul dan benar dan jawab segala pertanyaan yang telah dikemukakan.

Tuan Speaker, mengenai masalah pencegahan rasuah, saya difahamkan bahawa Badan Pencegah Rasuah (BPR) sedang berusaha menubuhkan satu bahagian yang lebih sophisticated, yang dinamakan Bahagian Korporat Khas untuk mengawasi agensi-agensi kerajaan dan badan-badan berkanun. Bahagian Khas ini juga mengawasi sektor-sektor swasta daripada melakukan apa-apa bentuk rasuah dan penyelewengan. Rakyat Malaysia tentu akan mengalu-alukan pengwujudan Bahagian Khas ini berdasarkan kes-kes jenayah kolar putih di negara ini semakin meningkat, semakin berleluasa sehingga ke paras yang sangat-sangat membimbangkan.

Saya berharap pihak BPR perlu meningkatkan prestasinya supaya dapat mencegah bukan sahaja ikan bilis tetapi tidak akan lepaskan ikan besar seperti ikan yu dan ikan paus. Saya juga ingin mengingatkan pihak BPR supaya dapat memperkuat tali jaringnya supaya ikan todak (saw fish) dan ikan lumba-lumba (dolphin) tidak dapat dilepaskan daripada jaring BPR.

Tuan Speaker, baru-baru ini media-massa telah melaporkan bahawa BPR telah menyerahkan laporan siasatan kes rasuah yang membabitkan bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik kepada Peguam Negara dan Ketua Pengarah BPR pun telah mengadakan beberapa perbincangan dengan Peguam Negara beberapa hari yang lalu. Setakat ini, seluruh negara bertumpu pandangan mereka kepada Peguam Negara bilakah beliau akan mengambil tindakan untuk membuat keputusan sama ada beliau akan membawa bekas Ketua

Menteri Melaka ke muka pengadilan atau seperti dahulu sebagai pertunjukan wayang kulit yang akan menyatakan . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Arau bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tidak ada masa, Tuan Speaker.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada masa?

**Tuan Lau Dak Kee:** Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik terpaksa dibebaskan kerana terdapat kekurangan bukti . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Boleh tak? Yang Berhormat . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Lau Dak Kee:** . . . . untuk mendakwa Rahim ke mahkamah. Rakyat masih belum lupa lagi . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Masa saya bercakap dahulu, dia minta saya beri.

**Tuan Lau Dak Kee:** . . . saranan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai kes bekas Ketua Menteri Melaka yang menyatakan ada yang betul, ada yang tak betul apabila Tan Sri Rahim berjumpa dia tidak lama yang lalu . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** V. David — Puchong!

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Speaker, saya yakin, apa yang betul itu akan dapat dibawa ke muka pengadilan dan apa yang

tidak betul itu telah diumumkan oleh Peguam Negara di mana Tan Sri Rahim telah dibebaskan daripada tuduhan yang menyatakan ada hubungan seks dengan gadis bawah umur.

Sekiranya bekas Ketua Menteri Melaka juga dibebaskan dari dakwaan rasuah dan penyelewengan, ini akan menunjukkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengelirukan rakyat dan negara kerana kes Tan Sri Abdul Rahim bersabit seks dengan gadis bawah umur dan rasuah, kedua-dua tuduhan ini pun tidak betul.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun atas point of order, Yang Berhormat. Yang Berhormat Ipoh, ada point of order. Sila duduk dahulu.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** 36 (6) — dia menggunakan perkataan “kalau”. Jadi, dia membuat sangkaan jahat kepada Perdana Menteri. Jadi, sekiranya kes ini terlepas, dia kata “kalau”. Mana boleh macam itu? Mana ada hukum “kalau”, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, dia menghukum dahulu. Dia kata kalau sekiranya kes ini tidak kena, mesti Perdana Menteri mengelirukan orang. Ini dia tidak faham. Yang kes V. David masuk mahkamah dia tidak hendak sebut. Fasal apa, dia tunggu dapat hukuman dahulu baru boleh kita hukum dia tetapi ini kes “kalau”. Mana boleh dia buat sangkaan jahat seperti itu? Sangkaan teramat jahat daripada orang yang paling jahat! (Ketawa)

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Speaker, ini penjelasakah atau standing order? (Ketawa) Dia berucap.

Tuan Speaker, di sini saya hendak ingatkan Dewan ini. Saya telah meneliti sekian lama, apabila Yang Berhormat dari Arau bangun, microphonenya buka, ada suara dah. Apabila dia mengacau, ada

suara dah. Tetapi pada orang yang lain apabila berdiri beberapa kali, tekan-tekan tidak ada suara. Itulah hakikatnya. Saya sedar, sudah meneliti selama ini. Saya tidak tahu mengapa perkara ini bolch berlaku seumpama ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak menyala pun. Tak menyala pun dah . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Point of order.

**Tuan Lau Dak Kee:** (Masih berdiri)

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Duduk dahulu. Duduk dahulu. Point of order.

**Tuan Lau Dak Kee:** Apa point of order?

**Tuan Yang di-Pertua:** Point of order. duduklah dahulu, Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Duduklah dahulu, nanti saya sebutlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ipoh, sila duduk dahulu. Ya.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** 36 (6), Tuan Yang di-Pertua. Nombor satu, dia buat sangkaan jahat kepada Perdana Menteri. Nombor dua, dia buat sangkaan jahat kepada saya. Kita kena ingat, itu yang duduk di belakang you pun dua, tiga kali dapat lampu merah dan bercakap termasuk Ahli dari Kota Melaka tadi dapat lampu merah, dia bercakap menegur Othman Abdul, Setiausaha Parlimen semasa soal Jawab Mulut tadi. Itu dia dapat lampu merah. Dia dapat keistimewaan. Awak jangan tuduh-tuduh saya macam itu sahaja. Tengok orang awak pun buat sama.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Speaker, itu memang betul. Saya menegakkan tuduhan saya.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Point of order, Tuan Yang di-Pertua . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ipoh, Ipoh . . . Tidak ada, Yang Berhormat Ipoh.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Kau sudah buat sangkaan jahat dekat saya dan juga Tan Sri.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tidak ada jahat. Itu memang benar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada, Yang Berhormat. Yang Berhormat Ipoh, sila teruskan ucapan Yang Berhormat.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Speaker, saya ingin meneruskan . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia tarik balik sebab dia buat sangkaan jahat dekat saya dan Tan Sri. Tan Sri sebagai Ketua Parlimen ini dia buat sangkaan jahat seolah saya dapat keistimewaan lampu ini.

**Tuan Lau Dak Kee:** Memang betul!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ipoh . . .

**Tuan Lau Dak Kee:** Memang betul!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Ipoh . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ahli dari Kota Melaka tadi dapat lampu merah!

**Tuan Lau Dak Kee:** Memang betul! Semua orang . . . . (*Pembesar suara dimatikan*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Ipoh, Yang Berhormat . . . Sangkaan Yang Berhormat tadi tidak elok oleh kerana lampu ini menyala kadang-kadang yang bangun sekejap pun menyala. Saya pun susah hati kerana apabila dia berucap,

suaranya besar sangat. Jadi, mengganggu orang-orang lain yang berucap. Sila duduk. Yang Berhormat, sila teruskan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Speaker, dalam keadaan begini, saya hendak minta seorang yang lebih pandai untuk mengawal lampu yang menyala ini. (*Ketawa*) Kalau tidak, memang Dewan ini akan menjadi kacau-bilau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Speaker, saya gulung dua perkara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pendekkanlah. Sudah cukup masa ini. Pendekkan, sudah cukuplah ucapan Yang Berhormat.

**Tuan Lau Dak Kee:** Jika keadaan ini akan diumumkan oleh Peguam Negara, rakyat Malaysia akan hilang keyakinan dan kepercayaan terhadap . . . . (*Pembesar suara dimatikan*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ipoh, jangan guna perkataan begitu. "Jika, jika, jika apa yang berlaku", belum apa-apa lagi Yang Berhormat telah membuat satu tohmahan. Tidak boleh macam itu, Yang Berhormat.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Speaker, apa yang telah saya sarankan itu, saya memetik satu peribahasa iaitu "berlindung di sebalik telunjuk" ataupun janganlah sampai satu keadaan di mana gajah masuk ke kampung. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah 6.30 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat, esok saya akan memberikan sedikit peluang lagi untuk Ahli-ahli Yang Berhormat berucap dan selepas dari itu Menteri-menteri akan menjawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*